

Bali 2

**Pelaburan Islam:
Satu Gambaran Umum**

BAB 2

KONSEP PELABURAN : SATU GAMBARAN UMUM MENURUT PANDANGAN ISLAM

- 2.1 Pengenalan
- 2.2 Definisi Pelaburan
 - 2.2.1 Definisi Dari Segi Bahasa (*Istithmār*)
 - 2.2.2 Definisi Pelaburan Menurut Ekonomi Islam
- 2.3 Perbahasan Ulama' Tentang Pelaburan dalam Islam
 - 2.3.1 Dalil-dalil dari Nas-nas al-Quran
 - 2.3.2 Dalil-dalil dari al-Sunnah
 - 2.3.3 Dalil-dalil dari *Āthār al-Šahābah*
 - 2.3.4 Dalil-dalil dari *Ijmā'* dan *Ijtihād 'Ulamā'*
- 2.4 Ciri-Ciri Pelaburan Dalam Islam
- 2.5 Instrumen-Instrumen Pelaburan dalam Islam
 - 2.5.1 *Al-Mudārabah*
 - 2.5.2 *Al-Musyārakah*
 - 2.5.3 *Al-Murābahah*
 - 2.5.4 *Al-Ijārah*
 - 2.5.5 *Al-bay' Bithaman 'Ājil* (BBA)
 - 2.5.6 *Bai' Al-Salām*
 - 2.5.7 Pasaran Modal Islam
 - 2.5.8 Tukaran Mata Wang (*Al-Sarf*)
- 2.6 Kesimpulan

2.1 Pengenalan

Manusia merupakan ciptaan istimewa Allah Taala yang dikurniakan dengan dua ekstrim yang merupakan dugaan utama makhluk istimewa ini. Perkara yang dimaksudkan ini merujuk kepada aqal dan juga nafsu. Oleh itu, sebagai pemegang amanah Allah, manusia perlu memastikan kedua-dua kehendak ini dipenuhi dengan sempurna dan secara berhikmah bagi mendapatkan kepuasan hidup seorang insan. Namun demikian, dalam usaha memenuhi kehendak yang ada, manusia perlu mempertimbangkan syariah dan undang-undang yang ditetapkan oleh Allah Taala. Oleh yang demikian, barulah kepuasan yang dikecapi mendapat kelulusan Allah dan menjurus kepada kedudukan yang sewajarnya di akhirat kelak.

Apabila situasi ini dilihat dari perspektif ekonomi, apa yang dapat diuraikan ialah perkembangan dan pertumbuhan harta merupakan fenomena yang amat sinonim dengan proses pembiakan atau pertambahan harta. Ia juga merupakan antara aktiviti yang amat diminati oleh makhluk Allah yang bergelar manusia secara semulajadi kerana kecintaan kepada harta merupakan satu fitrah yang telah dinikmati oleh manusia semenjak kejadian mereka lagi.

Sebagai bukti, sejarah pada zaman Rasulullah ﷺ menunjukkan bahawa manusia sentiasa berlumba-lumba untuk meningkatkan produktiviti pemilikan persendirian mahupun yang merupakan pemilikan kolktif bagi dimanfaatkan oleh semua masyarakat. Keadaan semulajadi dan natural ini timbul dari wujudnya naluri

dan keinginan untuk memiliki dan mempunyai hak atas sesuatu perkara. Perkara ini sejajar dengan firman Allah Taala yang berbunyi:

رَبِّنَا حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنْ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقْنَطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ
وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ذَلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ خُسْنَ الْمَآبِ

(Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang termak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia dan di sisi Allah-lah tempat kembali yang baik (syurga))

(Ālī-Imrān: 14)

Oleh yang demikian, bagi individu dan pengguna yang pintar, mereka akan menyusun strategi dan merancang setiap bentuk penggunaan harta ini bagi memastikan ianya dapat menjamin ketabilan ekonomi dan berjalan seiring dengan ketetapan syariah. Salah satu cara dan strategi yang boleh digunakan ialah melalui perancangan yang terancang di dalam pelaburan Islam.

Namun demikian, apa yang amat menyediakan di kalangan umat Islam pada hari ini, iaitu realiti yang ada memperlihatkan ramai pelabur-pelabur Muslim asyik dan leka dalam lingkungan ekonomi konvensional yang serba menggamt nafsu lantas melupakan prinsip-prinsip, etika-etika dan asas-asas yang amat penting dalam mewujudkan kejayaan ekonomi Islam di masa hadapan.

Hakikatnya, musuh-musuh Islam senantiasa berusaha mencari kelemahan Islam dalam pelbagai cara. Antaranya ialah melalui sudut ekonomi. Sebagai contoh, apabila Islam mengharamkan ribā, pihak mereka mengatakan bahawa Islam mengharamkan perolehan rezeki dan penambahan harta. Akan tetapi, musuh-musuh Islam ini lupa bahawa rezeki yang dimaksudkan bukan sahaja terdapat dengan cara ribā seperti yang diamalkan oleh mereka. Hakikatnya, rezeki Allah amat luas seluas lautan yang meliputi pelbagai bentuk urusan hidup manusia. Malah, jelas lagi, Islam amat menggalakkan pertumbuhan harta dan pelaburan bersama-sama dengan matlamat yang murni iaitu untuk mengangkat taraf hidup dan ekonomi umat Islam dan mengurangkan kadar kemiskinan dalam masyarakat¹. Apa yang perlu kita hayati, matlamat utama sistem ekonomi Islam ialah untuk mencapai keredhaan Allah yang Maha Esa di dunia mahupun di akhirat ataupun apa yang disebut sebagai *al-falah*.²

Oleh itu, bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pelaburan konvensional dan sistem riba yang diharamkan oleh Islam, pakar-pakar ekonomi Islam telah bergabung tenaga dan mencurahkan segala daya usaha mereka untuk memperkenalkan dan menonjolkan instrumen-instrumen pelaburan dalam Islam bagi memberi saingan kepada pelaburan konvensional serta alternatif kepada pelabur-pelabur Muslim. Hakikatnya, pelaburan yang sudah sedia ada sejak zaman Rasulullah ﷺ lagi malah semenjak zaman Jahiliyyah lagi telah berjaya diadaptasikan mengikut kehendak semasa oleh para sarjana kita, lantas ia telah membuka mata dunia untuk sama-sama menghayati dan mengaplikasikan instrumen-instrumen ini dalam aktiviti pelaburan mereka.

Tuntasnya, apa yang amat diharapkan ialah pelaburan yang diamalkan oleh umat Islam sama ada secara individu ataupun secara kolektif perlulah mematuhi beberapa prinsip dan kaedah yang telah ditetapkan oleh Islam di dalam al-Quran serta al-Sunnah dan juga mengambilkira pendapat-pendapat dan ijтиhad ulama'-ulama' kontemporari.

2.2 Definisi Pelaburan

Definisi pelaburan secara umum telah dilihat oleh penulis melalui dua perspektif yang utama iaitu dari segi bahasa dimana penggunaan perkataan menjadi bahan analisa manakala definisi dari segi istilah pula akan melihat penggunaan perkataan pelaburan secara praktikal oleh masyarakat umum dan juga pakar-pakar ekonomi serta ulama' fiqh dan ekonomi Islam.

2.2.1 Definisi Dari Segi Bahasa (*Istithmār*)

Pelaburan dalam Islam digambarkan melalui penggunaan perkataan *Istithmār*. Perkataan ini merupakan kata terbitan dari perkataan *istathmara - yastathmīru* yang juga merupakan kata terbitan dari perkataan asalnya *thamara* yang membawa pelbagai maksud yang akan dibincangkan dengan lebih mendalam.

Di dalam kitab *Lisān al-‘Arab* hasil karya ulung Ibn Manzūr, perkataan *thamara* membawa maksud berkembang, berbuah, bertambah, dan tumbuh.³ Selain daripada itu, dalam kitab *Mu‘jam al-Wasiṭ* pula, perkataan *thamara* merujuk kepada pembentukan buah bagi pokok dan tumbuh-tumbuhan lain serta memberi maksud bertambah banyak bagi perkara-perkara lain seperti harta.⁴

Manakala di dalam *Qāmūs al-Muṣṭalaḥāt al-Iqtīṣādīyyah* pula, penulis telah memberikan empat situasi kepada makna *thamara* iaitu yang pertama setiap benda yang boleh dihasilkan oleh sesuatu pokok. Yang kedua ditakrifkan sebagai satu kinayah kepada harta yang boleh dimanfaatkan. Yang ketiga didefinisikan sebagai setiap yang bermanfaat yang dihasilkan daripada sesuatu dan yang terakhir disebut di dalam al-Quran iaitu buah dan hasil tanaman⁵ sebagaimana firman-Nya:

لَا كُلُّوا مِنْ شَرِّهِ وَمَا عَمِلْتُمْ أَنْدِيَهُمْ أَفَلَا يَشْكُرُونَ

(supaya mereka dapat makan daripada buah-buahnya, dan dari apa yang diusahakan oleh tangan mereka. Maka mengapakah mereka tidak bersyukur?)

(Yāsin: 35)

Selain daripada itu, di dalam *Mukhtār al-Ṣahāh*, perkataan *thamara* membawa maksud penghasilan buah dari hasil tanaman tertentu dan apabila dikaitkan ayat *thamara al-rajulu* ia membawa maksud usaha pertambahan harta oleh seseorang dan pertambahan harta ini melibatkan pelbagai jenis aktiviti dan pelbagai bentuk harta.⁶ Mengikut Maḥmūd Abū al-Su‘ūd pula, pelaburan bukanlah digambarkan sebagai satu

bentuk keuntungan tetapi ia lebih banyak merujuk kepada wasilah atau cara untuk menghasilkan keuntungan.⁷

Sebagai tambahan, dalam satu buku yang agak semasa yang ditulis oleh Dr. Sano Quṭb, beliau melihat perkataan pelaburan dari tiga perspektif iaitu hasil pokok, pertumbuhan serta pertambahan dan yang ketiga harta. Perkataan pokok yang digunakan merupakan kiasan kepada perkataan anak. Ini kerana bagi Dr. Sano, hasil pokok merupakan kesan pertumbuhan pokok dan sama juga anak yang kelahirannya juga berpunca dari adanya seorang bapa⁸ yang dianggap sebagai pokok yang sudah matang. Perkara ini dijelaskan oleh Rasulullah ﷺ di dalam hadis yang berbunyi:

وعن أبي موسى رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : (إذا مات ولد العبد قال الله تعالى ملائكته : "فبضم ولد عبدي" فيقولون : "نعم". فيقول "قبضم ثرة فواهه" فيقولون : "نعم" فيقول : "ماذا قال عبدي ؟" فيقولون : "حمدك واسترجع فيقول الله تعالى : "ابوا العبد يتنا في الجنة وسموه بيت الحمد")

(Apabila mati anak seseorang hamba Allah itu maka Allah akan berkata kepada malaikat: "Ambillah (nyawa) hambaku itu wahai para malāikat" Malāikat menjawab: "Ya". Dan Allah berkata lagi: "Tahanlah pula hasil (gerak) hatinya" Maka malāikat berkata: "Baik ya Allah" Allah kemudian menyoal lagi: Apa yang dikatakan oleh hambaku itu?" Maka jawab para malaikat: "Beliau telah memujumu ya Allah dan kemudian telah menemui-Mu (mati)". Allah berkata: "Binakan bagi hambaku itu satu rumah di dalam syurga dan namakannya sebagai rumah pujian")

(Riwayat al-Tirmizi)⁹

Beliau menamakan perkataan *istithmār* sebagai pertambahan pula kerana ia menambahkan kuantiti harta asal yang ada yang disebut sebagai modal.¹⁰ Manakala,

alasan utama beliau mendefinisikan pelaburan sebagai harta berdasarkan firman Allah di dalam Al-Qurān yang berbunyi:

وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَنَا أَكْثَرُ مِنْكَ مَالًا وَأَعَزُّ نَفْرًا

(*dan dia mempunyai kekayaan (harta) yang besar, maka ia berkata kepada kawannya (yang mu'min) ketika ia bercakap-cakap dengan dia: "Hartaku lebih banyak dari hartamu dan pengikut-pengikutku lebih kuat"*)

(Al-Kahfi: 34)

Daripada ayat di atas, Allah menggunakan perkataan *thamara* untuk menjelaskan tentang harta yang banyak. Harta ini turut dilihat sebagai emas dan perak sebagaimana yang dilihat oleh al-Tabari¹¹. Sebagai pengukuhan, al-Imām Al-Nisābūri juga turut mendefinisikan *thamara* sebagai harta dan anak¹² sebagaimana yang disebut di dalam tafsir beliau.

Oleh yang demikian, daripada beberapa definisi yang diberikan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pelaburan atau dalam Bahasa Arab disebut sebagai *thamara* lebih banyak ditumpukan kepada aktiviti penghasilan buah oleh tumbuh-tumbuhan tertentu. Malah, apabila disebut sahaja perkataan *thamar* lazimnya masyarakat akan terus merujuk kepada buah yang dihasilkan oleh pokok-pokok tersebut. Namun demikian, hakikatnya perkataan *thamara* mempunyai satu skop yang lebih luas di mana ia bukan sahaja melibatkan penghasilan buah, malah yang utama ia

juga melibatkan pertambahan harta atau peningkatan nilai harta yang telah melalui satu proses dan aktiviti tertentu yang dinamakan sebagai pelaburan.

2

2.2.2 Definisi Pelaburan Menurut Ekonomi Islam

Istilah pelaburan dalam Ekonomi Islam telah diberikan pelbagai definisi yang begitu meluas. Kepelbagaian definisi yang diberikan oleh para sarjana ilmu ini besar kemungkinan disebabkan oleh aktiviti pelaburan melibatkan pelbagai sudut aktiviti ekonomi dan perniagaan. Malah ia juga merupakan antara aktiviti ekonomi utama umat Islam pada zaman Rasulullah ﷺ sehingga ke hari ini.

Dalam ekonomi Islam, pelaburan merupakan satu bentuk aktiviti ekonomi yang mendapat perhatian para pakar ekonomi dan para ulama' kontemporari. Perkara ini terjadi lanjutan daripada keaktifan aktiviti pelaburan yang wujud di negara-negara Islam dan ia juga turut menjadi satu amalan ekonomi masyarakat dunia pada hari ini termasuklah umat Islam. Oleh yang demikian tidak hairanlah apabila definisi pelaburan dibahaskan, terdapat banyak pendapat yang dikemukakan oleh para ulama' bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang pelaburan.

Dengan itu, bagi mendapatkan kesahaman yang sebenar tentang pelaburan, khususnya pelaburan dalam Islam, kita perlulah melihat kesemua definisi ini bagi mendapatkan natijah yang paling sempurna di samping dapat membuat analisis dan perbandingan di antara definisi-definisi yang diberikan.

Bagi mengkaji usaha para ulama' yang memberikan definisi pelaburan ini, adalah lebih baik kita kembali kepada perkaran asas dalam usaha pendefinisian iaitu penggunaan perkataan. Sesetengah ulama' menggunakan perkataan *istithmār* dan pihak yang lain pula ada yang menggunakan perkataan *istinmā'* atau *namā'* yang membawa maksud yang sama iaitu pertambahan.¹³ Terdapat juga di kalangan ulama' silam yang menyamakan antara *istithmār* dan *iddikhār*. Ini kerana pelaburan juga merupakan satu bentuk atau cara penyimpanan bagi penggunaan harta terbabit pada masa hadapan.¹⁴ Walau bagaimanapun, dalam penulisan ini penulis hanya akan melihat kepada dua perkataan sahaja iaitu *istithmār* dan *istinmā'* dari aspek penggunaannya oleh ulama'-ulama' silam mahupun ulama'-ulama' kontemporari.

Salah satu definisi pelaburan yang masih digunakan hingga ke hari ini walaupun pendapat ini sudah agak lama ialah dari al-Imām Mālik. Beliau telah mendefinisikan pelaburan sebagai satu cara untuk mencari keuntungan daripada harta yang ada.¹⁵ Definisi yang diberikan oleh al-Imām Mālik di dalam kitabnya yang masyhur iaitu *al-Muwatta'* ini dibincangkan secara mendalam di dalam beberapa bab yang berkaitan dengan instrumen pelaburan Islam. Sebagai contoh dalam perbincangan mengenai *al-murābahah*, *al-qirād* dan *al-salaf*.¹⁶

Bagi salah satu ulama' yang masyhur dari Mazhab Hanafi, al-Imām al-Kāsāni di dalam kitabnya, beliau telah menggunakan lafadz *istinmā'* untuk menggambarkan berlakunya aktiviti pelaburan. Sebagai tambahan, beliau telah menggunakan perkataan *istinmā'* ini bagi menjelaskan dan memberikan pengertian kepada

kewujudan akad *al-mudārabah*.¹⁷ Tambahan pula, akad ini juga merupakan salah satu instrumen dalam pelaburan Islam.

Selain daripada itu, al-Imām al-Dardir telah menggunakan perkataan *tanmiyyah* untuk menggantikan perkataan *istithmār* yang turut memperkatakan tentang akad *al-mudārabah*. Tokoh Mazhab Maliki ini telah menyatakan bahawa akad *al-qirād* atau *muqāradhah* diharuskan dalam Islam kerana ia merupakan satu tuntutan manusia secara umum dalam proses penggunaan harta. Ini kerana bagi beliau, tidak semua pelabur individu berkemampuan untuk menjalankan aktiviti pelaburan secara individu¹⁸ kerana ia memerlukan modal yang besar.

Menurut al-Imām al-Syīrāzī yang berpegang dengan Mazhab Syāfi'i, beliau juga turut cenderung untuk menggunakan perkataan *namā* berbanding *istithmār* di dalam kitabnya. Beliau menyebut perkataan *namā* semasa membahaskan bab *muqāradah*. Beliau turut menyatakan bahawa nilai wang yang ada dalam akad *muqāradah* tidak akan berkembang melainkan dengan mengaktifkan wang tersebut. Oleh itu, sebarang muamalat atau apa juar aktiviti pelaburan yang diharuskan oleh syara' adalah diharuskan penggunaanya ke atas wang tersebut.¹⁹

Selain daripada pendefinisan oleh ulama'-ulama' yang agak lama, para sarjana yang baru juga ada memberikan definisi tertentu terhadap pelaburan. Sebagai contoh al-Imām al-Ghazālī telah mendefinisikan pelaburan sebagai penambahan yang baru daripada apa yang dikeluarkan atau daripada modal yang disumbangkan.²⁰ Ada juga yang mendefinisikan pelaburan sebagai penggunaan harta untuk menghasilkan

keuntungan atau laba iaitu pembentukan modal tambahan yang baru dengan menggunakan instrumen-instrumen pelaburan yang diharuskan dalam Islam dan yang utama pelaburan tersebut memberi kesan yang positif terhadap masyarakat.²¹

Dr. Sano Qutb pula memberikan definisi yang agak scimbang dimana beliau tidak membezakan antara penggunaan perkataan *istithmār* atau *istinmā'*. Ini kerana menurut beliau, kedua-dua matlamat bagi perkataan terbabit akan menghasilkan sesuatu daripada aktiviti yang dibuat. Beliau melihat pelaburan sebagai satu usaha pertumbuhan harta yang dimiliki secara syara' dengan mengadaptasikan instrumen-instrumen yang ada dalam prinsip muamalat Islam, seperti *muḍārabah*, *murābahah*, *syarikat* dan lain-lain.²²

Sebagai tambahan, apabila membahaskan isu pelaburan dalam Islam, ia merupakan satu bentuk risiko yang akan dihadapi oleh para pelabur bagi satu jangkamasa yang tertentu bagi mendapatkan pulangan dan keuntungan ataupun sebaliknya. Secara pasti, ulama'-ulama' silam tidak memberikan definisi yang khusus kepada pelaburan. Akan tetapi, perbahasan tentang pelaburan lebih tertumpu kepada instrumen-instrumen yang digunakan semenjak zaman Rasulullah ﷺ lagi. Oleh itu, jelaslah bahawa amalan pelaburan ini amat luas skop dan penggunaannya.

2.3 Perbahasan Ulama' Tentang Pelaburan dalam Islam

Hakikatnya, di dalam al-Quran mahupun al-Sunnah, tiada dalil yang khusus menyatakan tentang keharusan aktiviti pelaburan di dalam Islam. Malah, penggunaan perkataan *istithmār* juga tidak wujud di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Akan tetapi terdapat juga perkataan-perkataan lain yang menggambarkan wujudnya aktiviti ini dan ia disebut oleh Allah dan Rasulullah ﷺ secara umum sahaja.

Oleh itu, dalam perbahasan ini, penulis akan melihat sebanyak mungkin ayat-ayat Al-Qurān dan hadis-hadis yang boleh dikaitkan dengan amalan pelaburan samada secara khusus atau secara umum. Selain daripada itu, penulis turut melihat sumber dari āthār para sahabat Rasulullah ﷺ dan juga ijmā‘ serta ijтиhad para ulama'.

2.3.1 Dalil-dalil dari nas-nas Al-Quran

Allah menurunkan al-Quran kepada umat nabi junjungan mulia, Nabi Muhammad ﷺ dengan harapan manusia dapat berfikir dan mengkaji secara mendalam nas-nas yang diwahyukan oleh-Nya. Oleh yang demikian, dalam mencari dalil-dalil yang berkaitan dengan aktiviti pelaburan, penulis telah melihat dari beberapa sudut:

1. Yang pertama melalui penggunaan perkataan *istithmār* atau perkataan-perkataan yang berasal dari perkataan *thamara*. Ia juga meliputi perkataan *istinmā'* atau *namā'* sebagaimana yang digunakan oleh sesetengah ulama'.
↓
2. Yang kedua, penulis akan melihat penggunaan lafaz-lafaz umum yang menunjukkan keharusan bermiaga dan menjalankan aktiviti ekonomi di bumi Allah.
3. Yang ketiga, penulis mengkaji perkataan-perkataan yang membawa maksud pelaburan dan membayangkan aktiviti pelaburan dijalankan seperti perkataan *muḍārabah*, *musyārakah* dan lain-lain lagi. Perkara yang ketiga ini turut membayangkan sebarang perkataan yang boleh dikaitkan dengan instrumen-instrumen pelaburan yang diharuskan oleh syara'.
4. Dan yang keempat, penulis akan melihat dari segi makna yang disebaliknya atau disebut oleh ulama' *usūl al-fiqh* sebagai *mafhūm mukhālahah* dimana pengharaman Allah terhadap amalan-amalan tertentu dalam Islam. Sebagai contoh amalan pembekuan harta sorokan dan lain-lain.

Melalui penelitian yang pertama, terdapat banyak nas-nas al-Quran yang menyebut perkataan *thamar* di dalam Al-Quran. Namun demikian, kebanyakan ayat-ayat tersebut merujuk kepada penghasilan buah oleh tumbuh-tumbuhan tertentu. Ia juga menyentuh tentang buah-buahan dan tanam-tanaman yang dikurniakan oleh

Allah di muka bumi juga di syurga. Akan tetapi setelah dibuat penelitian yang mendalam, terdapat juga perkataan *thamar* digunakan bagi menunjukkan terdapatnya aktiviti yang melibatkan penggunaan harta. Terdapat 22 ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan perkataan *thamar* dan kata jamaknya iaitu *thamarāt*. Manakala, menerusi penelitian penulis hanya beberapa ayat dalam al-Quran yang membawa pengertian harta sebagaimana yang berikut:

وَلَبِلُوتُكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثُّمَرَاتِ وَبَشَرٌ
الصَّابِرِينَ

(Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.)

(Al-Baqarah : 155)

أَوْلَئِنَّ نُمْكِنُ لَهُمْ حَرَمًا آمِنًا يُحْتَى إِلَيْهِ ثَمَرَاتُ كُلِّ شَيْءٍ رِزْقًا مِّنْ لَدُنِّا

(Bukankah kami telah melindungi mereka dan menjadikan (negeri Makkah) tempat tinggal mereka sebagai tanah suci yang aman, yang dibawa kepadanya hasil tanaman dari segala jenis, sebagai rezeki pemberian dari sisi Kami?)

(Al-Qaṣāṣ: 57)

وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَنَا أَكْثُرُ مِنْكَ مَالًا وَأَعْظُمُ ثَفَرًا

(dan dia mempunyai kekayaan besar, maka ia berkata kepada kawannya (yang mu'min) ketika ia bercakap-cakap dengan dia: "Hartaku lebih banyak dari pada hartamu dan pengikut-pengikutku lebih kuat")

(Al-Kahfi : 34)

وَأَجِطْ بِمِرْهَ فَاصْبَحَ يُقْلِبُ كَنْبَهَ عَلَىٰ مَا أَنْفَقَ فِيهَا وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا وَيَقُولُ
يَا لَتِي لَمْ أَشْرِكْ بِرَبِّي أَحَدًا

(*Dan harta kckayaannya dibinasakan, lalu ia membulak-balikkan kedua tangannya (tanda menyesal) terhadap apa yang ia telah belanjakan untuk itu, sedang pohon anggur itu roboh bersama para-paranya dan dia berkata: "Aduhai kiranya dulu aku tidak mempersekuatkan seorangpun dengan Tuhanaku".*)

(Al-Kahfi: 42)

Analisa yang kedua pula dilihat dari segi penggunaan perkataan-perkataan umum di dalam Al-Quran. Terdapat banyak ayat-ayat yang berkaitan dengan pelaburan secara umum dan juga keharusan menjalankan aktiviti ekonomi di bumi Allah ini. Ayat-ayat ini juga kebanyakannya tidak bersandarkan dalil-dalil yang khusus malah lebih umum dan ia jua meliputi pelbagai bentuk tafsiran.²³ Antara ayat-ayat yang dimaksudkan adalah seperti yang dibincangkan dalam Surah al-Mulk, al-Jumu'ah, Hûd dan al-Taubah.

Dalam ayat ke 15, Surah Al-Mulk, Allah menegaskan kepada umat Islam dengan lafaz suruhan yang membawa maksud wajib.²⁴ Dalam kaedah *uṣūl al-Fiqh*, apabila terdapat perkataan yang menunjukkan suatu arahan, maka perbuatannya adalah wajib. Pendapat ini selaras dengan pendapat jumhûr Fuqaha.²⁵ Itulah yang disebut sebagai *al-Amru yadullu 'ala al-wujûb*. Akan tetapi tedapat juga kaedah *uṣūl al-Fiqh* yang menyatakan bahawa ayat berbentuk arahan itu membawa maksud harus dan ini disebut sebagai *al-Amru yadullu 'ala al-ibâhah* apabila terdapat dalil dari ayat lain yang menyangkal perintah wajib itu dan ia jatuh kepada hukum harus atau secara ringkasnya disebut sebagai *qarînah*.²⁶ Maka dalam ayat ini, Allah menyuruh manusia

mencari rezeki kurniaan Allah dengan pelbagai cara dan usaha²⁷ sebagaimana yang disebut oleh Allah:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَا تَرَكَاهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ التَّشْوُرُ

(Dialah Yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, maka berjalanlah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian dari rezki-Nya. Dan hanya kepada-Nya-lah kamu (kembali setelah) dibangkitkan.)

(Al-Mulk: 15)

Dalam ayat 9 hingga ayat ke 10, Surah Al-Jumu'ah pula, Allah memerintahkan umat-Nya supaya bertebaran di atas muka bumi Allah ini sebagai gambaran kepada satu bentuk pelaburan yang diwajibkan ke atas umat Islam. Tambahan lagi, bertaburan di atas muka bumi untuk mencari keperluan-keperluan yang dihajati oleh manusia diharuskan oleh Allah apatah lagi mencari keuntungan dalam perniagaan atau dari aspek ekonomi.²⁸ Usaha mencari kurniaan Allah ini sebagaimana yang ditafsirkan oleh sebahagian ulama' meliputi pelbagai aspek aktiviti, perusahaan dan keuntungan²⁹ dan pelaburan adalah salah satu daripadanya. Ini telah disebut oleh Allah sebagaimana berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِي للصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ
ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُشِّمْتُمْ تَعْلَمُونَ * فَإِذَا قُصِّيَتِ الصَّلَاةُ فَانشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ
فَضْلِ اللَّهِ وَإِذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

(Hai orang-orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan sembahyang pada hari Jum'at, maka bersegeralah kamu kepada mengingat Allah dan tinggalkanlah jual beli. Yang demikian itu lebih baik bagimu

jika kamu mengetahui. Apabila telah ditunaikan sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi; dan carilah karunia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung.)

(Al-Jumu'ah: 9-10)

;

Dalam ayat ke 61 Surah Hûd, Allah menyatakan tentang kepentingan mengimarahkan bumi Allah ini dan ia juga ditafsirkan oleh beberapa *fuqahâ'* sebagai satu amalan pelaburan. Ada juga para *fuqahâ'* dan *mufassirin* yang menyatakan bahawa usaha mengimarahkan bumi Allah dan mengerjakan sebarang bentuk aktiviti ekonomi adalah wajib.³⁰ Pengimaran bumi Allah ini juga meliputi sektor pembuatan, pembinaan dan juga perlombongan³¹ seperti mana yang disebut oleh Allah:

هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْرِفُوهُ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبَّيْ قَرِيبٌ مُحِبٌّ

(Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmunnya, karena itu mohonlah ampunan-Nya, kemudian bertobatlah kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhanmu amat dekat (rahmat-Nya) lagi memperkenankan (do'a hamba-Nya).")

(Hûd: 61)

Selain daripada itu, Allah juga menyebut di dalam al-Quran mengenai keharusan untuk mencari kurniaan atau rezeki yang Allah ciptakan untuk umat manusia.³² Keharusan mencari rezeki kurniaan Allah ini termasuk juga salah satu daripadanya aktiviti pelaburan. Ini disebut oleh Allah:

لَئِنْ عَلِمْتُمْ جُنَاحٍ أَنْ يَتَّسِعُوا فَضَلَّا مِنْ رَيْكُمْ

(Tidak ada dosa bagimu untuk mencari karunia (rezki hasil perniagaan) dari Tuhanmu.)

(Al-Baqarah:198)

¶

Bagi analisa yang ketiga pula, penulis melihat dari segi penggunaan perkataan yang merujuk kepada instrumen-instrumen pelaburan dalam Islam seperti perkataan *musyārakah*, *murābahah*, *muḍārabah*, dan lain-lain lagi. Oleh itu, di antara ayat-ayat yang berkaitan adalah sebagaimana yang disebut oleh Allah dalam ayat-ayat dari Surah al-Muzammil, al-Nisā' dan Surah Ṣād.

Dalam Surah Al-Muzammil ayat ke 20, Allah menggunakan perkataan *a-/Darbu* yang membawa maksud mengusahakan bumi Allah ini dan juga berjalan di bumi Allah untuk memperolehi keuntungan dengan menjalankan perniagaan.³³ Mengusahakan bumi Allah ini boleh dilihat dari pelbagai sudut dan cara. Antara caranya ialah melalui pelaburan *muḍārabah*³⁴.

وَآخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَتَعَوَّنَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

(dan orang-orang yang berjalan di muka bumi mencari sebagian karunia Allah;)

(Al-Muzammil: 20)

Seterusnya, di dalam surah al-Nisā' Allah turut menerangkan tentang amalan *musyārakah* yang menjadi asas pembahagian harta pusaka dalam Islam³⁵. Ini

menunjukkan bahawa *musyārakah* atau perkongsian diharuskan dalam Islam sekaligus mengiktiraf amalan salah satu instrumen pelaburan ini dalam Islam.

فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءٌ فِي الْثُلُثِ

(*Tetapi jika saudara-saudara seibu itu lebih dari seorang, maka mereka bersekutu dalam yang sepertiga itu*)

(Al-Nisā':12)

Manakala di dalam Surah Sād pula, Allah merujuk kepada amalan *musyārakah* yang kadangkala menjurus kepada penyelewengan salah satu pihak dan saling menzalimi antara satu sama lain. Perkara ini tidak akan terjadi jika pihak-pihak yang bersyarikat beriman kepada Allah dan beramal dengannya³⁶ sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah yang berbunyi:

وَإِنْ كَثِيرًا مِنَ الْخُطَّابِ لَيَتَبَعِي بَقْصُهُمْ عَلَى بَعْضٍ إِلَّا الَّذِينَ عَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَقَلِيلٌ مَا هُمْ

(*Dan sesungguhnya kebanyakannya dari orang-orang yang berserikat itu sebahagian mereka berbuat zalim kepada sebahagian yang lain, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang salah; dan amat sedikitlah mereka ini".*)

(Sād: 24)

Analisis yang terakhir pula, penulis telah melihat dari segi pengharaman amalan-amalan tertentu oleh Allah Taala yang mana amalan-amalan ini boleh menyebabkan harta terbabit tidak berkembang, mengalami kerugian atau

menyebabkan berlakunya kerosakan kepada masyarakat awam. Perkara ini dibahaskan oleh *fiqahā'* dalam beberapa persoalan yang berkaitan dengan pembekuan harta, pengharaman memakan atau mengambil harta orang lain tanpa hak dan juga pengurusan harta mereka yang tidak beraqal. Maka, apabila perkara-perkara terbabit diharamkan, maka aktiviti pelaburan adalah antara alternatif yang diharuskan.

Pengharaman daripada Allah Taala terhadap pembekuan harta merupakan antara dalil utama yang menunjukkan bahawa usaha pelaburan ini diwajibkan di dalam Islam. Ini dijelaskan oleh Allah di dalam Surah al-Taubah ayat 34 hingga ayat ke 35 yang menjelaskan tentang balasan yang amat berat terhadap mereka yang membekukan harta tanpa menguruskannya selaras dengan jalan yang dilandaskan oleh Allah Taala.

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ النَّحْبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرُهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ * يُؤْمِنُ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكَوَىٰ بِهَا جِاهَدُهُمْ وَجَنُونُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنَزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَلَدُوْقُوا مَا كُشِّمْ تَكْنِزُونَ

(Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafkahkannya pada jalan Allah, maka beritahukanlah kepada mereka, (bahwa mereka akan mendapat) siksa yang pedih. Pada hari dipanaskan emas perak itu dalam neraka Jahannam, lalu dibakar dengannya dari mereka, lambung dan punggung mereka (lalu dikatakan) kepada mereka: "Inilah harta bendamu yang kamu simpan untuk dirimu sendiri, maka rasakanlah sekarang (akibat dari) apa yang kamu simpan itu".)

(Al-Taubah: 34-35)

Asasnya, Allah Taala mengharamkan pembekuan harta seperti menanam harta terbabit kerana dengan itu kita menghalang insan lain daripada menerima hak ke atas harta itu melalui pembayaran zakat harta.³⁷ Sebagai tambahan, Ibn Taymiyyah juga menyebut mengenai pengharaman pembekuan harta ini tanpa sebab-sebab yang dibolehkan dan implikasi buruk dan negatif aktiviti ini terhadap ekonomi umat Islam.³⁸ Selain pembekuan harta, sorokan atau *ihtikār* juga turut diharamkan dalam Islam yang mana amalan ini boleh menjelaskan aliran ekonomi umat Islam. *Ihtikār* bagi sesetengah ulama' merujuk kepada sebarang bentuk pengumpulan barang-barang secara bersama (longgok) sama ada di perut bumi atau sebaliknya.³⁹ Sebagai tambahan dan pengukuhan, Syed Qutb di dalam tafsir beliau turut mengharamkan amalan *ihtikār* ini⁴⁰ kerana ia boleh melumpuhkan ekonomi umat Islam secara khusus dan ekonomi dunia secara umum.

Ihtikār dengan definisi lain disebut juga sebagai satu bentuk aktiviti pembelian barang yang amat diperlukan oleh masyarakat dan kemudian menyimpannya serta menghalang dari penjualannya sehingga satu tempoh dimana harga barangan terbabit melambung tinggi dan masyarakat berlumba-lumba untuk mendapatkannya.⁴¹ Sebagai pengukuhan, pengharaman *ihtikār* ini turut disebut di dalam hadis Rasulullah yang berbunyi:

الحالب مرزوق والخicker ملعون وقال لا ينكر الا خاطئ

(Sesiapa yang berdagang akan diberikan rezeki kepadanya dan sesiapa yang menyorok barang akan dilaknat, dan disebut juga tiada yang menyorok barang kecuali orang yang salah)

(Sahih Muslim)⁴²

Dengan itu kesimpulannya, secara bertentangan atau pemahaman sebaliknya (*mafhūm mukhālafah*), maka pelaburan diharuskan oleh Islam bagi mengelakkan berlakunya pembekuan dan sorokan ini.

Ada juga ulama' yang merujuk kepada perkataan *sufaha'* dan perbuatan serta tindak tanduk mereka yang tidak tahu menguruskan harta dengan sempurna. Ini termasuklah dari segi penjagaan harta terabit, pelaburan dan penggunaan harta itu.⁴³ Perkara ini dijelaskan oleh Allah di dalam al-Quran yang mana ia menunjukkan bahawa aktiviti pelaburan itu wujud dan berlaku dalam harta anak-anak yatim :

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيمًا وَأَرْزُقُوهُمْ فِيهَا وَأَكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

(*Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya, harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan. Berilah mereka belanja dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik.*)

(Al-Nisā': 5)

Selain daripada itu, terdapat juga pengharaman daripada Allah Taala terhadap perbuatan mengambil harta orang lain tanpa berlandaskan amalan yang diharuskan dalam syariah seperti hibah, jual beli dan lain-lain lagi. Malahan, sebagai ganti kepada amalan yang diharamkan itu, Allah telah menyediakan pelbagai cara untuk memiliki harta dan ini termasuklah dengan usaha pelaburan sebagaimana firmannya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ يِئْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ رَأْسٍ مِنْكُمْ
وَلَا تَعْنَتُكُمْ أَنْفُسُكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

(Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama-sama di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu; sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu.)

(Al-Nisa': 29)

Sebagai kesimpulan, inilah antara dalil-dalil dari naṣṣ-naṣṣ al-Quran yang biasanya digunakan oleh para ulama' dan sarjanawan ekonomi Islam bagi membuktikan kaharusan amalan ini oleh Allah Taala. Malah, penggunaan perkataan-perkataan umum ini telah menjadikan para ilmuan berfikir secara terbuka dan luas lantas menonjolkan Islam sebagai agama yang universal.

2.3.2 Dalil-dalil dari al-Sunnah

Selain daripada al-Quran, al-Sunnah juga turut memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan hukum-hukum yang ada diungkapkan dengan sempurna dan memenuhi keperluan yang ada. Oleh yang demikian, bagi mempertajamkan lagi perbahasan ulama' tentang aktiviti pelaburan, penulis akan turut mengkaji beberapa hadis yang boleh disangkutpautkan dengan pelaburan dalam Islam.

Analisa ini juga akan melihat kepada empat perkara sebagaimana ayat-ayat al-Quran dikaji iaitu dari segi penggunaan perkataan *istithmār* atau *istinmāt*, yang

kedua penggunaan perkataan secara umum tentang perjalanan aktiviti ekonomi, yang ketiga penggunaan instrumen-instrumen pelaburan dalam Islam dan yang terakhir dari segi pengharaman terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang membantutkan aktiviti ekonomi manusia secara umum.

Antara dalil-dalil dari al-Sunnah yang menunjukkan keharusan melibatkan diri dalam pelaburan adalah seperti yang disebutkan dalam hadis-hadis di bawah. Kesemua hadis-hadis ini ada menyentuh dan menyebut perkataan *istithmār* atau *istinmā'* serta kata terbitan dari perkataan-perkataan terbabit. Hadis yang pertama yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik berbunyi:

روي مالك بن أنس عن زيد بن أسلم عن أبيه أم عبد الله و عبيد الله ابن عمر بن الخطاب رضي الله عنهم قدما في جيش العراق و قد تسلقا من أبي موسى الأشعري مالا اشتريا به متاعا فربحا فيه بالمدية ربحا كثيرا ف قال لها عمر : "أكل جيش تسلق مثل هذا ؟" فقال : "لا". فقال عمر بن الخطاب : "كأني بكم و قد قال أبو موسى أنكم أبا أمير المؤمنين فأسلفكما بمال المسلمين - رد المال و الربح" فقال عبيد الله : "أربت أمير المؤمنين لو تلف المال أكنا تضمه ؟" فقال : "نعم" ، قال : "فرجعه لنا إذن" فتوقف عمر فقال له بعض جلسائه : "لو جعلته قراضيا يا أمير المؤمنين يعني في مشاطر تهم على الربح كمشاطرته في القراض ففعل .

(Diriwayatkan bahawa 'Abd al-Allāh dan 'Ubaid al-Allāh iaitu dua orang anak 'Umar bin al-Khaṭṭāb telah keluar mengikuti rombongan tentera Iraq. Apabila mereka dalam perjalanan pulang mereka singgah ditempat Abū Mūsā al-'Aṣy'ārī iaitu mudārib 'Umar bin al-Khaṭṭāb. Lalu Abū Mūsā menerima mereka sebagai tetamu dan berkata kepada mereka berdua: "Kalau aku dapat membantu kamu berdua melakukan sesuatu kerja yang dapat memberi faedah kepada kamu berdua sudah pasti aku melakukannya." Kemudian dia meneruskan kata-katanya: "Ya di sini ada satu harta dari harta Allah. Aku ingin kirimkannya kepada Amir al-Mu'minīn dan keuntungannya menjadi hak kamu berdua." Lalu Abd al-

Allāh dan ‘Ubaid al-Allah bersetuju melakukan seperti itu. Kemudian Abū Mūsā menulis surat kepada ‘Umar supaya mengambil harta keduanya. Apabila mereka sampai, perkara itu dikhabarkan kepada ‘Umar dan ‘Umar bertanya: “Apakah semua tentera telah diberi hutang (aslaf) oleh Abū Mūsā sebagaimana dia lakukan kepada kamu berdua?” Mereka menjawab “Tidak” Kata ‘Umar: “Wahai dua anak Amīr al-Mu’minīn, oleh kerana dia telah memberi hutang kepada kamu berdua, maka berikan kepada aku keuntungan dan hartanya. Abd al-Allāh bin ‘Umar berdiam diri sahaja tetapi ‘Ubaid al-Allah mengatakan: “Wahai Amīr al-Mu’minīn, kalau harta itu rosak kami membayar ganti rugi.” Lalu ‘Umar berkata: “Berikan kepada aku.” Abd al-Allāh masih diam dan ‘Ubaid al-Allah menarik balik kata-katanya. Kemudian seorang lelaki di kalangan majlis ‘Umar itu berkata: “Wahai Amīr al-Mu’minīn, bagaimana kalau kita jadikannya Qirād? ‘Umar bersetuju lalu mengambil modal dan separuh keuntungannya untuk dimasukkan ke dalam Bait al-māl manakala ‘Abd al-Allāh dan ‘Ubaid al-Allah mengambil separuh keuntungan daripada harta itu.”⁴

(Al-Muwatta’)

Secara ringkas, hadis di atas menunjukkan bahawa ‘Abd al-Allāh dan ‘Ubaid al-Allah telah menggunakan satu metod yang menguntungkan dan selamat untuk memastikan harta yang dibawa selamat sampai ke destinasi yang dituju dari segala bentuk malapetaka malah mendapat pula keuntungan. Dari kisah ini, dapatlah kita lihat bahawa amalah muqārabah atau muqāradah telah dilaksanakan dengan mendapat persetujuan dari Saidina Umar sendiri.

Seterusnya, Rasulullah ﷺ juga banyak mengeluarkan hadis-hadis yang berkaitan dengan instrumen-instrumen pelaburan dalam Islam yang sememangnya telah wujud semenjak zaman baginda lagi. Realitinya, instrumen-instrumen ini lebih dikenali pada zaman Rasul dan ia tidaklah disatukan sebagai pelaburan sebagaimana yang kita ketahui pada hari ini. Akan tetapi instrumen-instrumen ini diaplikasikan secara bersendirian oleh ahli-ahli ekonomi tanpa menyatukannya di bawah aspek pelaburan Islam. Antara hadis-hadis yang dimaksudkan adalah seperti berikut.

حَدَّثَنَا يَهْرُبْ حَدَّثَنَا حَمَادٌ حَدَّثَنَا هَشَامٌ بْنُ زَيْدٍ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسَّ بْنَ مَالِكَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنْ قَامَتِ السَّاعَةُ وَبِدِّيْ أَحَدُكُمْ فَسِيلَةٌ فَإِنْ أَسْتَطَعْ أَنْ لَا يَقُومَ حَتَّى يَغْرِسَهَا فَلْيَفْعُلْ

(Apabila tibanya hari qiamat, dan digenggaman salah scorang daripadamu ada anak pokok, maka kalau kamu mampu, jika kamu sempat menanamnya, maka tanamlah)

(al-Aḥādīth al-Mukhtārah)⁴⁵

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ حَدَّثَنَا الْيَثْرَى عَنْ يُونُسَ عَنْ أَبْنِ شَهَابٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْتَةَ عَنْ أَبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ الصَّعْبَ بْنَ حَاتَّةَ قَالَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا حِمَى إِلَّا لِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ

(Rasulullah bersabda: tidak disimpan sesuatu melainkan kerana Allah dan Rasul-Nya) ⁴⁶

Berdasarkan hadis-hadis di atas, jelaslah bahawa sebarang aktiviti yang yang mampu memberikan keuntungan sama ada secara jangka pendek atau jangka panjang kepada seseorang adalah amat digalakkan perlaksanaanya. Oleh itu, hadis-hadis di atas telah menjadi sumber utama bagi membuktikan bahawa amalan pelaburan diharuskan dalam Islam.

Selain daripada itu kewajipan berurusniaga dengan harta anak-anak yatim juga menunjukkan tentang keharusan amalan pelaburan dalam Islam sebagaimana yang disebut dalam hadis Rasulullah ﷺ yang berbunyi:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ مُسْلِمٍ عَنِ الْمُشَّى بْنِ الصَّبَّاحِ عَنْ عَمْرُو بْنِ شَعْبَى عَنْ أَيْمَهِ عَنْ جَدِهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَطَبَ النَّاسَ قَالَ لَأَمَّا مَنْ وَكَيْ تَبِعُمَا لَهُ مَالٌ فَلَا يَتَرَكْهُ حَتَّى تَأْكُلَهُ الصَّدَقَةُ

(Nabi ﷺ suatu hari berkhutbah dab berkata: “Barangsiapa yang menjaga (menjadi wali) ke atas anak-anak yatim, dan anak-anak ini memiliki harta maka hendaklah kamu dagangkan harta ini dan jangan bukukan ia supaya ia tidak dimakan oleh sedekah)

(Sunan al-Tirmidhi)⁴⁷

Yang terakhir, selain daripada petunjuk-petunjuk keharusan, kewajipan dan galakan daripada Rasulullah ﷺ tentang aktiviti pelaburan, terdapat juga hadis-hadis yang mengharamkan aktiviti-aktiviti tertentu bagi menunjukkan bahawa pelaburan diharuskan dalam Islam. Antaranya ialah pengharaman membeli rumah atau tanah tanpa menjualkannya semula juga menunjukkan tentang kewajipan pelaburan.

حَدَّثَنَا وَكِبِيعٌ حَدَّثَنِي إِسْمَاعِيلُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ يَعْنِي أَبْنَيْنِي مُهَاجِرٍ عَنْ عَبْدِ الْمَلِكِ بْنِ سَعِيدٍ بْنِ حُرَيْثٍ أَخِي لِعْمَرِ بْنِ حُرَيْثٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ بَاعَ دَارًا أَوْ عَقَارًا فَلَمْ يَجْعَلْ ثَمَّتَهَا فِي مِثْلِهِ كَانَ قَبْنَا أَنَّ لَا يَرْكَأَ لَهُ فِيهِ

(Barangsiapa yang menjual rumah atau tanah, jangan diletak harganya sebagaimana yang asal supaya mendapat keberkatan dari penjualan itu)

(Ahmad bin Hanbal)⁴⁸

2.3.3 Dalil-dalil dari *Āthār Sahābah*

Para sahabat secara umum mengharuskan amalan pelaburan dalam Islam. Walaupun tidak terdapat perkataan yang khusus menunjukkan keharusan pelaburan ini, namun terdapat banyak pengkuan oleh para sahabat mengenai kebanyakan instrumen-instrumen palaburan yang menjadi amalan mereka. Ini amat jelas disebut dalam *Nayl al-Awtār*⁴⁹ dimana para sahabat telah meneruskan amalan *muqdārabah* yang menjadi amalan ekonomi semasa zaman Jahiliyyah. Malah, para sahabat yang meneruskan amalan ini tidak mengingkari amalan nenek moyang mereka, malah amalan ini turut menjadi sumber ekonomi pada zaman Rasulullah dan para sahabat.

Dalam amalan akad *murābahah* pula, dalil keharusan instrumen pelaburan ini menerusi *athār sahābah* sebagaimana yang diriwayatkan daripada ‘Abd al-Allāh bin Mas’ūd yang mana bermula melihat jualan dengan harga tambahan atau untung adalah diharuskan dimana disini contoh yang dibawa oleh beliau ialah jualan dengan harga 12 dirham dengan kos sebanyak 10 dirham atau jual dengan harga 11 dirham.⁵⁰ Melalui Khalifah ‘Uthmān al-‘Affān juga, beliau menyebut:

عَنْ عُثْمَانَ قَالَ كَتَبْتُ ابْنَاعَ التَّمَرَ مِنْ بَطْنِ مَنْ يَهُودٌ ، يَقُولُ لَهُمْ بْنُ قَيْنَاقَ وَ أَيْمَعَهُ بِرْبَعٍ ، فَلَمَّا دَعَهُمْ بِهِ فَقَالُوا يَا عُثْمَانَ إِذَا أَبْتَعْتَ فَاكِلَلَ وَ إِذَا بَعْتَ فَكَلَ .

(Diriwayatkan oleh Saidina ‘Uthmān al-‘Affān dimana beliau telah menjual buah kurma kepada orang Yahudi yang diriwayatkan dari bani Qainuqā' dan beliau telah menjualkannya dengan untung. Dan perkara ini disampaikan kepada Nabi ﷺ dan baginda berkata; Wahai ‘Uthman, apabila kamu membeli hendaklah dikurangkan dan apabila menjual hendak dilebihkan mendapat untung)⁵¹

Oleh yang demikian, jelaslah kepada kita, bahawa amalan pelaburan dalam Islam telah menjadi amalan para sahabat suatu masa dahulu, Maka ia adalah diharuskan juga pada zaman kita pada hari ini.

§

2.3.4 Dalil-dalil dari *Ijma'* dan *Ijtihad Ulama'*

Keharusan pelaburan telah disepakati oleh para ulama' melalui pengharusan instrumen-instrumen pelaburan dalam Islam seperti *Muqārabah*, *Murābahah*, *BBA* dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, dalam akad *muqārabah*, ijma' ulama' mengharuskannya sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh para sahabat dimana mereka telah menyerahkan harta anak-anak yatim untuk dikembangkan atau dilaburkan berasaskan konsep *muqārabah*. Tambahan pula, semasa kontrak tersebut dilaksanakan, tiada seorangpun di kalangan sahabat yang mengingkari dan membantah amalan ini. Oleh yang demikian, ia diharuskan dalam Islam melalui ijma' ulama' kerana tiadanya bantahan di kalangan sahabat.⁵²

Bagi akad *murābahah* pula, Ibn Taymiyyah ada menyebut di dalam kitabnya yang mana beliau menyatakan bahawa kebanyakan ulama' fiqh mengharuskan amalan *murābahah*.⁵³ Malah, akad ini juga merupakan salah satu cara yang diperlukan oleh masyarakat terutamanya peniaga dan pedagang untuk memperolehi keuntungan dalam perniagaan. Ia juga merupakan satu alternatif kepada pengharaman riba sebagaimana disebut oleh Allah di dalam al-Quran mengenai riba dan keuntungan

keuntungan dalam perniagaan. Untung yang disebutkan dalam ayat tersebut boleh juga dirujuk sebagai *murābahah*:

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَخَلَّ اللَّهُ أَبْيَعُ وَحَرَمَ الرِّبَا

(Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba.)

(Al-Baqarah: 275)

2.4 Ciri-Ciri Pelaburan Dalam Islam

Secara kasarnya, pelaburan diharuskan dalam Islam, namun pelaburan yang diharuskan oleh Islam tidak meliputi segala bentuk pelaburan tanpa batasan-batasan tertentu. Islam menganjurkan umatnya supaya melibatkan diri dalam aktiviti ini berlandaskan ciri-ciri yang telah ditetapkan di dalam Islam. Antara asas-asas yang diambil kira adalah seperti berikut⁵⁴:

1. Pelaburan mestilah tidak bercanggah dengan hukum Islam, iaitu tidak melibatkan aktiviti pelaburan dalam perkara-perkara yang tidak dibenarkan seperti arak dan sebagainya.
2. Pelaburan yang dilakukan mestilah mengikut keutamaan keperluan masyarakat. Perkara *al-darūriyyāt* perlu diutamakan dan diikuti dengan *al-hājiyyāt* dan seterusnya *al-tahsīniyyāt*.

3. Modal yang diperolehi adalah dari sumber yang halal.
4. Pelaburan yang dilakukan mesti mampu memberi kebajikan dan kemakmuran kepada individu dan masyarakat.
5. Pelaburan tersebut hendaklah memberi pulangan dalam bentuk kebendaan dan kerohanian di mana ia bukan sahaja memberi kepuasan dan kebaikan di dunia, bahkan di akhirat juga.
6. Pelaburan tersebut hendaklah bebas daripada segala bentuk larangan seperti riba, ketidakpastian (*gharar*), penindasan, penipuan, pembaziran dan sebagainya.

Selain daripada itu, terdapat juga tokoh ekonomi Islam yang cuba memberikan pendapat peribadi beliau mengenai ciri-ciri asas pelaburan dalam Islam iaitu ⁵⁵:

1. Sistem sosial Islam menyarankan supaya setiap pengguna perlu bertindak berdasarkan keperluan dan keselesaan hidup. Dasar ini telah dipersetujui oleh semua sarjana Islam dan penggunaan secara mewah dan berlebihan adalah dilarang sama sekali.
2. Lebihan pengeluaran dalam penggunaan dari sebarang jenis harta tidak digalakkan kerana ia bolch mewujudkan pembaziran fakta-fakta pengeluaran.

3. Pelaburan sebenarnya ialah faedah yang didapati dalam pengeluaran barang keperluan dan keselesaan hidup. Oleh itu, lebih banyak modal yang diperlukan untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran mengikut masa tertentu dan mengetahui bagaimana cara mengeluar, meningkatkan dan mengembangkan.

Sebagai tambahan, di negara kita secara khususnya, terdapat peruntukan undang-undang dan petunjuk atau *guideline* mengenai ciri-ciri pelaburan secara Islam yang boleh diceburi di semua institusi perbankan Islam. Ciri-ciri ini dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS), Suruhanjaya Sekuriti bertujuan untuk memudahkan usaha institusi kewangan yang berminat ataupun orang-orang persorangan untuk menerokai bidang kewangan Islam. Kelayakan sesebuah syarikat akan terkeluar daripada senarai sekuriti yang diluluskan berdasarkan kriteria yang berikut⁵⁶:

1. Mempunyai operasi yang berteraskan riba (faedah) seperti yang dijalankan oleh institusi kewangan seperti bank perdagangan dan bank saudagar serta syarikat kewangan.
2. Mempunyai operasi yang melibatkan aktiviti perjudian.
3. Mempunyai operasi mengeluarkan dan/atau menjual barang yang haram seperti minuman keras, daging khinzir (babi) dan daging yang tidak disembelih mengikut kaedah Islam.

4. Mempunyai operasi yang melibatkan kegiatan yang mempunyai unsur gharar (ketidakpastian) seperti perniagaan insurans konvensional.

§

Selain daripada syarat-syarat di atas, bagi syarikat yang melibatkan aktiviti bercampur, iaitu mempunyai unsur yang dibenarkan dan yang diharamkan oleh syara', Majlis Penasihat Syariah (MPS) telah mempertimbangkan beberapa sudut tambahan lain bagi membolahkan pelabur-pelabur Muslim melabur di dalam sekuriti-sekuriti terbabit. Antara syarat-syarat tambahan yang dimaksudkan adalah seperti berikut⁹⁷:

1. Aktiviti utama syarikat mestilah bukan aktiviti yang bertentangan syara' sebagaimana yang telah digariskan oleh empat kriteria di atas.
2. Pandangan masyarakat umum tentang imej syarikat berkenaan mestilah baik
3. Aktiviti utama syarikat mempunyai kepentingan dan *maslahah* (kebaikan secara umum) kepada umat Islam dan negara manakala unsur haram yang amat kecil melibatkan perkara '*umūm balwā* (kerumitan meluas yang sukar dielakkan), '*uruf*' (amalan kebiasaan) dan hak-hak masyarakat bukan Islam yang diperakui oleh Islam.

Oleh yang demikian, dengan adanya garis panduan yang secara umum ditetapkan oleh Islam dan secara khususnya dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS), Suruhanjaya Sekuriti, umat Islam dan organisasi Muslim yang berminat dengan aktiviti pelaburan bolehlah meneruskan aktiviti mereka berdasarkan ketetapan yang telah disebutkan. Selain daripada itu, ketetapan di atas bukan sahaja memudahkan pelabur Muslim membuat pelaburan yang dihalalkan oleh syara^c, malah ia turut juga membangkitkan keyakinan dalam diri pelabur bahawa pelaburan yang dibuat mendapat restu daripada Allah Taala.

2.5 Instrumen-Instrumen Pelaburan dalam Islam

Berdasarkan daripada dalil-dalil yang kuat di atas, Islam secara jelas mengharuskan aktiviti pelaburan. Oleh yang demikian, terdapat banyak cara dan cabang yang boleh digunakan oleh para pelabur Muslim untuk mengaktifkan diri di dalam bidang ini. Apabila kita merujuk kepada fakta sejarah, pelaburan dalam Islam hakikatnya telah bermula sejak zaman Rasulullah ﷺ lagi. Namun demikian penggunaan istilah pelaburan masih tidak digunakan pada zaman tersebut. Namun demikian, secara praktikalnya, pelaburan telah dilaksanakan dengan menggunakan instrumen-instrumen yang disebutkan seperti *muḍārabah*, *musyārakah*, *murābahah*, jual-beli *salam* (*bai’ al-salām*), sewaan (*al-iijārah*) dan *al-bay’ bithaman ‘ājil* (BBA).

Sebagai perbincangan selanjutnya, setiap bentuk pelaburan dalam Islam ini akan dibincangkan oleh penulis secara ringkas dan mudah difahami dalam tulisan

yang seterusnya. Penulis juga akan membincangkan secara ringkas pendapat *fiqahā'* dan perbezaan pendapat yang ada di kalangan mereka tentang instrumen pelaburan yang terbabit.

‡

2.5.1 *al-Muḍārabah*

Al-Muḍārabah atau *al-Qirād* sebagaimana yang menjadi sebutan masyarakat Hijāz di Tanah Arab merupakan salah satu instrumen pelaburan yang sudah lama diamalkan di Tanah Arab. Menurut masyarakat Hijāz, perkataan *Qirād* digunakan bagi menggantikan perkataan potongan atau *al-qāf'u* dimana pemilik harta memotong atau mengasingkan dan memperuntukkan sejumlah tertentu daripada hartanya⁵⁸ bagi tujuan pelaburan yang akan diusahakan oleh badan-badan tertentu yang dipanggil *āmil*. Selain daripada itu, penggunaan perkataan *qirād* juga berlandaskan alasan bahawa pihak pelabur atau pemilik harta akan dapat menikmati sepotong atau sejumlah keuntungan dari pelaburan yang dibuat.⁵⁹

Bagi masyarakat Iraq pula, mereka menggunakan perkataan *muḍārabah* sebagaimana yang biasa kita gunakan dalam perbankan Islam di Malaysia yang ada pada hari ini. Ini kerana bagi masyarakat Iraq kedua-dua pihak iaitu pelabur dan pengusaha berusaha untuk menghasilkan laba daripada pelaburan itu. Tambahan pula, pada zaman tersebut, pihak pengusaha lazimnya akan bermusafir (*Darbun*) untuk mendapatkan keuntungan dari pelaburan yang dibuat tadi.⁶⁰ Inilah perbezaan penggunaan istilah yang terdapat pada zaman Jahiliyyah, zaman Rasulullah ﷺ dan

para sahabat. Namun demikian, apa yang dapat kita lihat, sistem ekonomi Islam pada hari ini lebih banyak menggunakan perkataan *mudārabah*.⁶¹

Walaupun penggunaan istilah ini berbeza, namun dari segi aplikasinya, kedua-dua istilah ini membayangkan satu bentuk aktiviti yang sama. Masyarakat Arab pada zaman tersebut mengamalkan sistem ekonomi ini dengan tujuan untuk meningkatkan tahap pendapatan mereka dan juga sebagai satu bentuk pelaburan.⁶² Sebagai tambahan, sebagaimana yang diketahui umum, kedatangan Islam yang dibawa oleh Rasulullah ﷺ bukanlah dengan tujuan untuk menghapuskan segala bentuk amalan jahiliyyah yang wujud. Akan tetapi, Islam datang dengan cahaya kebenaran dan menghapuskan amalan-amalan yang bertentangan dengan syariah dan juga mengekalkan adat kebiasaan masyarakat yang boleh diadaptasikan dengan ajaran Islam. Oleh yang demikian, akad *mudārabah* ini dikekalkan memandangkan perlaksanaannya tidak bertentangan dengan syariah dan mendatangkan kebaikan atau *maṣlahah* kepada para pelabur dan masyarakat secara umum.

Dalam sistem perbankan Islam, instrumen *mudārabah* adalah antara instrumen yang termasyhur dan juga sering dipraktikkan oleh para pelabur. Dalam kontrak *mudārabah* ini, ia melibatkan perjanjian yang dibuat antara pemilik modal yang membuat persetujuan untuk membiayai sepenuhnya sesuatu projek dan dalam masa yang sama pengusaha bersetuju untuk mengusahakan projek berkenaan sepenuhnya.⁶³ Menurut satu definisi lain, *mudārabah* merupakan pembelian sesuatu dengan harga yang murah pada waktu tertentu untuk mendapatkan keuntungan dengan penjualannya pada masa akan datang.⁶⁴

Sebagai tambahan, Ibn Rusyd juga telah mendefinisikan akad *muḍārabah* sebagai satu keadaan di mana seorang pelabur memperuntukkan sejumlah wang kepada pengusaha untuk diusahakan wang tersebut supaya mendapat keuntungan daripadanya.⁶⁵ Selain daripada itu, dalam satu kitab yang terkenal *al-Mabsūt*, penulis telah menjelaskan secara terperinci tentang penggunaan istilah *muḍārabah* atau penggunaan perkataan secertinya iaitu *muqāradah*.⁶⁶

Hakikatnya, perkataan *muḍārabah* telah digunakan oleh para sarjana ekonomi Islam dalam memberi pelbagai makna. Antaranya ialah pembiayaan amanah, pemegang amanah, kongsisama ekuiti dan kongsisama keuntungan.⁶⁷ Dengan kata lain, konsep *muḍārabah* ini merupakan satu perkongsian untung dan rugi di mana seperti yang disebutkan di atas, pemilik modal menyerahkan amanah terhadap pengusaha untuk menggerakkan hartanya dan mengembalikan semula harta tersebut bersama dengan keuntungan atau kerugian yang diperolehi.

Meneliti pula pandangan ulama' terhadap bentuk pelaburan ini, ia amat jelas mengatakan bahawa majoriti ulama' bersetuju dengan pengharusan kontrak *muḍārabah* dalam sistem perbankan Islam dengan syarat-syarat tertentu. Terdapat juga ciri-ciri tambahan yang diberikan kepada akad ini yang tertakluk ke atas komoditi terbabit. Selain daripada ciri-ciri yang telah digariskan oleh *sugahā'* silam seperti diketahui jenis, spesifikasi, kuantiti, harga, keadaan dan lain-lain. Pembeli dan penjual juga perlu memastikan komoditi terbabit mempunyai pasaran yang luas dan positif pada masa hadapan supaya ia boleh diniagakan.⁶⁸

Terdapat banyak dalil yang menunjukkan akad *muḍārabah* ini diharuskan dalam Islam. Antaranya sebagaimana yang disebut oleh Allah Taala dalam lafaz yang umum mengenai keharusan mencari rezeki yang dikurniakan oleh Allah di muka bumi. Firman-Nya:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ يَتَعَوَّهَا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ

(*Tidak ada dosa bagimu untuk mencari karunia (rezki hasil perniagaan) dari Tuhanmu.*)

(Al-Baqarah:198)

Sebagai tambahan, akad ini juga telah disahkan oleh para sahabat yang mana amalan *muḍārabah* yang pertama telah berlaku terhadap dua anakanda Saidina 'Umar Al-Khaṭṭāb sebagaimana yang disebut di dalam hadis yang berbunyi:

روي مالك بن أنس عن زيد بن أسلم عن أبيه أم عبد الله و عبيد الله ابني عمر بن الخطاب رضي الله عنهم قدما في جيش العراق وقد تسلقا من أبي موسى الأشعري مالا اشتريا به متاعا فربما في بالمدينة ربما كثيرا فقال خطا عمر : "أكل جيش تسلق مثل هذا ؟" فقال : "لا". فقال عمر بن الخطاب : "كأي بكما و قد قال أبو موسى أنكمما اينا أمير المؤمنين فأسلفكما بمال المسلمين - رد المال و الربح" فقال عبيد الله : "أريت أمير المؤمنين لو ثلف المال أكنا تضمنه ؟" فقال : "نعم" ، قال : "فربعه لنا إذن" فتوقف عمر فقال له بعض جلسائه : "لو جعلته قراضة يا أمير المؤمنين يعني في مشاطر كاما على الربح كمشاطرته في القراض ففعل .

(Diriwayatkan bahwa 'Abd al-Allah dan 'Ubaid al-Allah iaitu dua orang anak 'Umar bin al-Khaṭṭāb telah keluar mengikuti rombongan tentera Iraq. Apabila mereka dalam perjalanan pulang mereka singgah ditempat Abū Mūsā al-'Aṣy'arī iaitu muḍārib 'Umar bin al-Khaṭṭāb. Lalu Abū Mūsā menerima mereka sebagai tetamu dan berkata kepada mereka berdua: "Kalau aku dapat membantu kamu berdua melakukan sesuatu kerja yang

dapat memberi faedah kepada kamu berdua sudah pasti aku melakukannya." Kemudian dia meneruskan kata-katanya: "Ya di sini ada satu harta dari harta Allah. Aku ingin kirimkannya kepada Amir al-Mu'min dan keuntungannya menjadi hak kamu berdua." Lalu Abd al-Allah dan 'Ubaid al-Allah bersetuju melakukan seperti itu. Kemudian Abū Mūsā menulis surat kepada 'Umar supaya mengambil harta keduanya. Apabila mereka sampai, perkara itu dikhabarkan kepada 'Umar dan 'Umar bertanya: "Apakah semua tentera telah diberi hutang (aslaf) oleh Abū Mūsā sebagaimana dia lakukan kepada kamu berdua?" Mereka menjawab "Tidak" Kata 'Umar: "Wahai dua anak Amir al-Mu'min, oleh kerana dia telah memberi hutang kepada kamu berdua, maka berikan kepada aku keuntungan dan hartanya. Abd al-Allah bin 'Umar berdiam diri sahaja tetapi 'Ubaid al-Allah mengatakan: "Wahai Amir al-Mu'min, kalau harta itu rosak kami membayar ganti rugi." Lalu 'Umar berkata: "Berikan kepada aku." Abd al-Allah masih diam dan 'Ubaid al-Allah menarik balik kata-katanya. Kemudian seorang lelaki di kalangan majlis 'Umar itu berkata: "Wahai Amir al-Mu'min, bagaimana kalau kita jadikannya Qirād? 'Umar bersetuju lalu mengambil modal dan separuh keuntungannya untuk dimasukkan ke dalam Bait al-māl manakala 'Abd al-Allah dan 'Ubaid al-Allah mengambil separuh keuntungan daripada harta itu.)

(Al-Muwaṭṭa')⁶⁹

Namun demikian, terdapat juga sedikit perbezaan yang wujud di antara para ulama' dari segi penggunaan prinsip ini dalam pelbagai urusan perniagaan. Bagi ulama' Mazhab Maliki dan Shafī'i, aktiviti *mudārabah* hanya terhad terhadap urusan perdagangan dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan perdagangan.⁷⁰ al-Imām Abu Hanīfah pula mempunyai pandangan yang agak luas dan operasi *mudārabah* ini. Menurut beliau, penggunaannya diharuskan terhadap semua bentuk aktiviti sama ada yang melibatkan perniagaan ataupun pembuatan. Manakala Mazhab Hanbali pula membenarkan aplikasinya dalam aktiviti pembuatan dengan syarat pihak pelabur dan pengusaha mengadakan perjanjian *istiṣnā'* dan satu lagi menggunakan perjanjian *mudārabah*.⁷¹

Oleh yang demikian, melalui kenyataan-kenyataan di atas, dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa aktiviti *muḍārabah* ini merupakan satu tuntutan di dalam Islam, malah ia merupakan antara produk perbankan Islam yang utama pada hari ini.

2.5.2 *al-Musyārakah*

al-Musyārakah atau *syarikah* merupakan satu bentuk perbankan Islam yang berasal dari perkataan *syarika* atau *syaraka* yang bermaksud penggabungan, penglibatan ataupun penyertaan. Ia juga melibatkan dua pihak atau lebih dan perkataan *syarika* tidak digunakan untuk menggambarkan keadaan yang berseorangan malah ia melibatkan penglibatan beberapa pihak.⁷²

Selain daripada itu, apabila merujuk kepada definisi yang diberikan oleh para sarjana Muslim terkemuka, terdapat pelbagai definisi diberikan kepada akad *musyārakah*. Perbezaan ini namun demikian tidak begitu ketara dan ia berlandaskan kepada perbezaan adat dan keadaan masyarakat dimana para ulama' ini menetap. Sebagai contoh bagi ulama' mazhab Hanafi, *musyārakah* atau *syarikah* ditakrifkan sebagai suatu kontrak antara dua orang yang berkongsi dalam modal dan untung.⁷³ Manakala bagi ulama' mazhab Syāfi'i, *syarikah* membawa makna sabit hak pada sesuatu bagi dua orang atau lebih secara milik bersama.⁷⁴ Bagi ulama' mazhab Maliki pula, *syarikah* merupakan izin kedua pihak yang bersyarikat bagi pengurusan harta bersama mereka dan setiap pihak mempunyai hak pengurusan itu.⁷⁵ Dan akhir sekali

bagi ulama mazhab Hanbali, *syarikah* adalah bersama (berhimpun) dalam memperolehi hak atau *taṣarruf* (kuasa pengurusan).⁷⁶

Dari segi penggunaannya dalam institusi perbankan Islam pada hari ini, *musyārakah* didefinisikan sebagai kumpulan modal daripada dua individu atau lebih pemegang saham untuk membayai sesuatu projek.⁷⁷ Menurut definisi yang lain pula, *musyārakah* atau *shirkah* ditakrifkan sebagai satu bentuk perkongsian dimana dua atau lebih ahli membuat penggabungan dari segi modal atau usaha kerja bagi berkongsi keuntungan dan menikmati hak-hak serta liabiliti yang serata.⁷⁸

Oleh yang demikian, daripada definisi-definisi yang diberikan, dapatlah kita lihat bahawa akad *musyārakah* lebih tertumpu kepada perkongsian modal dan melibatkan satu bentuk perjanjian antara dua atau lebih pihak. Perkara ini hakikatnya merujuk kepada satu dari jenis-jenis syirkah iaitu *syirkah al-‘uqūd*. Manakala, *syirkah al-milk* pula melibatkan pembahagian atau perkongsian harta yang juga merupakan kontrak semulajadi yang wujud tanpa memerlukan satu bentuk akad yang khusus. Sebagai contoh dalam pembahagian harta pusaka.

Tuntasnya, daripada definisi-definisi yang diberikan di atas, dapatlah kita simpulkan bahawa apa sahaja bentuk perkongsian modal oleh dua pihak atau lebih dianggap sebagai kontrak *musyārakah* atau *syirkah*. Malah, lafaz ini merupakan penggunaan akad yang umum dan melibatkan apa jua bentuk perkongsian harta.

Sebagai tambahan, antara dalil-dalil yang menunjukkan keharusan akad *musyārakah* ini diaplikasikan di dalam sistem perbankan Islam adalah sebagaimana yang difirmankan oleh Allah Taala di dalam kitabnya:

﴿وَاعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ خُمُسُهُ وَلِرَسُولِ اللَّهِ الْفُرَقَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَأَبْنَى السَّبِيلِ إِنْ كُنْتُمْ عَامِلِتُمْ بِاللَّهِ وَمَا أَنْزَلَنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْqَانِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الْحَمْعَانِ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾

(Ketahuilah, sesungguhnya apa saja yang dapat kamu peroleh sebagai rampasan perang, maka sesungguhnya seperlima untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan ibnussabil, jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad) di hari Furqaan, yaitu di hari bertemunya dua pasukan. Dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu)

(Al-Anfāl: 41)

Selain daripada ayat di atas, Rasulullah ﷺ juga telah bersabda di dalam satu hadis qudsi yang berbunyi:

((يقول الله عز وجل ((أنا ثالث الشركين ، ما لم يخن أحد هما صاحبه ، فإذا خانه خرجت من بينهما))

(Aku adalah orang ketiga bersama-sama dengan rakan kongsi, selama masing-masing mereka tidak mengkhianati yang lain. Jika salah seorang mengkhianati yang lain maka aku meninggalkan (*khiyār*) mereka berdua)

(Sunan Abū Dāwud)⁷⁹

Terdapat pelbagai jenis kontrak *musyārakah* yang digunakan oleh pengamal perbankan Islam pada hari ini. Walaupun dalam penentuan keharusan pengamalan kontrak musyārakah disepakati oleh para ulama⁸¹, akan tetapi dalam proses mengklasifikasikannya terhadap beberapa jenis mendapat pertembungan pendapat di kalangan para ulama⁸². Antaranya ialah *syarikah al-'Inān*, *syarikah al-abdān*, *syarikah al-mufāwadah* dan *syarikah al-wujūh*

Pembahagian *musyārakah* kepada jenis-jenis di atas adalah berdasarkan penglibatan modal yang terlibat dalam kontrak terbabit. *Syarikah al-'Inān* ialah satu bentuk perkongsian di mana dua orang berkongsi pada satu harta kepunyaan mereka berdua untuk bermiaga dengan harta itu dan keuntungan atau kerugian dibahagiakan antara kedua-duanya. Ulama⁸³ sepakat mengatakan bahawa amalan *syarikah al-'Inān* adalah diharuskan.⁸⁰ *Syarikah al-mufāwadah* pula merupakan satu bentuk perkongsian dimana dua orang atau lebih berkontrak untuk berkongsi sesuatu pekerjaan dengan syarat modal, kadar keuntungan, kadar pembahagian kerja, agama dan lain-lain dibahagikan sama rata antara pelabur.⁸¹

Syarikah al-wujūh merujuk kepada satu perkongsian di antara dua orang yang terkenal di kalangan masyarakat besetuju untuk sama-sama membeli secara hutang atas tanggungan masing-masing dan menjualnya dengan cara yang tunai. Dalam perkongsian bentuk ini, modal tidak menjadi perkara asas atau utama. Ini kerana jual beli itu dibuat berdasarkan kepada kemahsyuran nama mereka sahaja.⁸² Yang seterusnya ialah *syarikah al-abdān* atau *al-a'māl*. Ia merupakan sebuah syarikat dimana dua orang atau lebih berkongsi mengambil kerja, mengikut tanggungan

masing-masing dan hasilnya dibahagi sama rata di antara mereka.⁸³ Dalam pelaburan ini juga, pihak yang berkongsi hanya memerlukan kemahiran tertentu untuk menjai rakan kongsi dalam syarikat terbabit. Sebagai contoh perkongsian antara tukang jahit dan pencuci pakaian atau dobi, peguambela dan peguamcara dan lain-lain lagi.

Dari segi hukum setiap jenis *syarikah* ini, jumhur ulama' yang terdiri daripada Hanafi, Hanbali dan Zaydiyyah, mereka mengatakan bahawa kesemua jenis *syarikah* ini sah diamalkan. Bagi ulama' Mazhab Maliki pula, semua akad adalah sah kecuali *syarikah al-Wujuh*. Manakala menurut ulama' mazhab Syafi'i, Zahiri dan Syiah Ja'fariyyah, semua jenis syarikah adalah tidak sah kecuali *syarikah al-Amwāl* dan *al-Mudārabah*.⁸⁴

Sebagai konklusi, *musyārakah* merupakan akad atau salah satu instrumen pelaburan yang agak komprehensif dimana ia juga turut melibatkan akad-akad lain seperti akad *al-mudārabah*. Selain daripada itu, perkongsian harta yang dibuat melalui akad ini membolchkan urusan pelaburan dilaksanakan secara teratur dan menjimatkan serta mengurangkan pengeluaran modal mahupun tenaga.

2.5.3 *al-Murābahah*

Perkataan *Murābahah* berasal dari perkataan *rābha* yang merujuk kepada kata nama *ribhūn* yang membawa maksud pertambahan⁸⁵ atau perkembangan pada perniagaan.⁸⁶ Dalam *Qāmūs al-Muhiṭ* pula *murābahah* bermaksud keuntungan yang

diperolehi dalam aktiviti perniagaan dan penjualan sesuatu barang.⁸⁷ Definisi-definisi yang diberikan dari segi bahasa ini selaras dengan firman Allah Taala di dalam satu-satunya ayat yang diturunkan oleh Allah secara jelas tentang keuntungan atau *ribh*⁸⁸:

فَمَا رَبَحْتُ تِحْارِثُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ

(Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk, maka tidaklah beruntung perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk.)

(Al-Baqarah: 16)

Melihat kepada definisi dari segi syara' atau istilah, terdapat empat pendapat ulama' mu'tabar dalam pemberian definisi *murābahah* ini. Pendapat yang pertama melalui kacamata pengikut mazhab al-Imām Hanafī. Mereka telah menta'rifkan *murābahah* sebagai satu cara pemindahan harta atau hak milik dengan akad yang tertentu terhadap barang tertentu dengan harga yang dipersetujui bersama-sama penambahan yang dinamakan keuntungan.⁸⁹

Bagi pengikut Mazhab Maliki, *murābahah* merupakan penjualan barang tertentu dengan harga modal yang dibeli disamping wujudnya penambahan dikenali sebagai keuntungan yang diketahui dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.⁹⁰ al-Imām Syīrāzī yang bermazhab Syafī'i pula melihat akad *murābahah* sebagai satu bentuk penjualan dimana penjual menyatakan harga asal atau modal sesuatu produk dan kedua-dua pihak turut mengetahui jumlah keuntungan yang diperolehi oleh pembeli.⁹¹ Seterusnya, dalam Mazhab Hanbali, pengertian yang diberikan agak sama

dengan pendapat yang lain dimana ia merupakan satu bentuk jual beli dimana harga modal disebut bersama-sama dengan keuntungan yang diterima.⁹²

Daripada kepelbagaiannya definisi yang dilihat oleh pelbagai mazhab di atas, dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa keempat-empat mazhab utama ini bersepakat dalam beberapa perkara. Yang pertama mengenai penetapan harga modal yang diketahui oleh kedua-dua pihak iaitu penjual dan pembeli. Perkara ini amat penting dalam memastikan kedua-dua penjual dan pembeli saling meredhai atas kontrak yang terhasil. Manakala persamaan yang kedua pula ialah dari segi keuntungan yang diperolehi juga hendaklah dimaklumkan kepada pembeli supaya pembeli berasa dihargai dalam meneruskan kontrak ini.

Ringkasnya, mengikut definisi yang lebih praktikal dan ringkas, kontrak *murâbahah* pula merupakan satu bentuk perjanjian jual-beli dengan harga asal dan disertakan keuntungan yang telah dipersetujui bersama.⁹³ *Murâbahah* merupakan antara instrumen pelaburan yang digunakan oleh para pengamal ekonomi secara berleluasa dalam usaha mereka untuk mendapatkan sejumlah keuntungan daripada perniagaan yang dibuat.⁹⁴

Sebagai pengukuhan, terdapat pelbagai dalil yang menunjukkan keharusan akad *murâbahah* ini sama ada di dalam al-Quran mahupun al-Sunnah.⁹⁵ Antara firman-Nya:

وَاعَادُوْنَ يَضْرِبُوْنَ فِي الْأَرْضِ يَتَعَوَّدُوْنَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

(dan orang-orang yang berjalan di muka bumi mencari sebagian karunia Allah;) (Al-Muzammil:20)

لَيْسَ عَلَيْكُمْ حُنْجُونٌ أَنْ تَتَعَوَّدُوْنَ مِنْ رِبِّكُمْ

(Tidak ada dosa bagimu untuk mencari karunia (rezki hasil perniagaan) dari Tuhanmu.) (Al-Baqarah:198)

Sebagai tambahan, dalam satu hadis yang masyhur di kalangan ahli ekonomi, Rasulullah ﷺ memberikan keharusan beniaga dengan harga tambahan dengan bersabda⁹⁶:

إِذَا اخْتَلَفَ الْجِنَانُ فِي بَعْدِ شَتْمِهِ إِلَّا مَا خَيْرَكُمْ عَنْهُ

(Apabila berbeza dua barang/benda, maka juallah sebagaimana yang engkau kahendaki McLainkan apa-apa yang telah dilarang ke atas kamu)
(Musnad al-Râbi')⁹⁷

Terdapat juga *Āثار* dan bukti yang menunjukkan bahawa para sahabat juga meneruskan amalam *murābahah* ini di zaman - mereka iaitu selepas kewafatan Rasulullah ﷺ sebagaimana disebut:

كَانَ لَا يَرَى بَاسًا بَيْعَ عَشْرَةِ أَنْفُسٍ أَوْ بَيْعَ عَشْرَةِ أَحَدٍ عَشْرَ

(Dianggap tiada menjadi kesalahan menjual barang berharga sepuah dengan dua belas atau sebelas)⁹⁸

Begitu juga dalam *Āثار* yang disebut oleh Saidina 'Uthmān⁹⁹:

عن عثمان قال : كُنْتُ ابْنَاعَ النَّمَرِ مِنْ بَطْنِ مَنْ يَهُودٍ ، يَقُولُ لَهُمْ بْنُو قَيْنَاتَعَ وَ أَبِيعَهُ بِرِبِيعٍ ، فَلَمَّا دَلَّ الْأَنْجَى قَوْلَهُ : يَا عُثْمَانَ إِذَا ابْتَعْتَ فَأَكْلُ وَ إِذَا بَعْتَ فَكَلُّ

(Diriwayatkan oleh Saidina 'Uthmān al-'Affān dimana beliau telah menjual buah kurma kepada orang Yahudi yang diriwayatkan dari bani Qainuqā' dan beliau telah menjualkannya dengan untung. Dan perkara ini disampaikan kepada Nabi ﷺ dan baginda berkata; Wahai 'Uthmān, apabila kamu membeli hendaklah dikurangkan dan apabila menjual hendak dilebihkan mendapat untung)¹⁰⁰

Oleh yang demikian, kesimpulannya pelaburan dalam bentuk *murābahah* diharuskan dalam Islam malah digalakkan oleh Rasulullah ﷺ. Ia juga antara alternatif yang boleh digunakan oleh umat Islam bagi menjauhkan diri dari terlibat dalam kancah dosa memakan *ribā*.

2.5.4 *al-Ijārah*

Ijārah atau dalam Bahasa Melayu disebut juga sebagai sewaan merupakan satu bentuk kontrak antara dua pihak dimana seseorang mengambil manfaat di atas sesuatu barang atau harta yang menjadi hak milik orang lain dengan bayaran yang telah ditentukan.¹⁰¹ Dari segi bahasa ia merupakan kata nama dari perkataan *ajara*

yang membawa maksud beri upah atas sesuatu.¹⁰² Ia juga dilihat sebagai satu bentuk pemilikan ke atas sesuatu barang atau perkhidmatan dengan mengeluarkan ganti atau bayaran tertentu dengan syarat-syarat tertentu.¹⁰³

‡

Dalam satu definisi lain, *ijārah* merupakan satu bentuk akad yang termeterai ke atas sesuatu manfaat atau barang dengan ganti (*iwād*) yang boleh terdiri daripada sebarang bentuk bayaran. Pemilikan barang ini dengan bayaran tertentu yang dianggap timbal balik disebut sewaan atau *ijārah* dan tanpa timbal balik disebut *i'ārah*.¹⁰⁴

Keharusan akad *al-ijārah* ini bersandarkan beberapa dalil yang menjadi rujukan para *fiqahā'*. Antaranya ialah:

فِإِنْ أَرْضَعْنَا لَكُمْ فَآتُوهُمْ أَجُورَهُمْ

(kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya) (Al-Talāq:6)

((أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ وَأَبُو بَكْرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ اسْتَأْجَرَ رَجُلًا مِّنْ بَنِي الدِّيلِ))

(Nabi ﷺ dan Abū Bakr telah mengupah seorang lelaki dari Bani al-Dil)
(Sahih Bukhārī)

قال ﷺ : ((أَعْطُوا الْأَجْرَ أَجْرَهُ قَبْلَ أَنْ يَجْفَ عَرْقُهُ))

(Berilah orang yang kamu upah itu upahnya sebelum kering peluhnya (hilang penatnya))

(Sunan Ibn Mājah)¹⁰⁵

2.5.5 *Al-bay' Bithaman Ājil* (BBA)

Al-Ājil atau tangguh dari segi bahasa merujuk kepada pertukaran masa bagi sesuatu perkara pada masa yang telah ditetapkan kepada suatu masa akan datang. Ia juga disebut sebagai pertambahan masa atau dikenali juga sebagai perlaksanaan sesuatu perkara yang agak lewat beripada tempoh yang telah ditetapkan pada mulanya.¹⁰⁶ Pengertian ini sebagaimana yang dirujuk kepada beberapa ayat di dalam al-Qurān yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَآبَسْتُم بِدِينِ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَاَكْتُبُوهُ

(*Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu*)

(Al-Baqarah: 282)

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُم مِّنْ طِينٍ ثُمَّ قَصَّرَنِي أَحَدًا وَأَجَلٌ مُسَمًّى عِنْدَهُ ثُمَّ أَنْتُمْ تَعْتَرُونَ

(*Dia lah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian ia tentukan ajal (kematian kamu) dan satu ajal lagi yang tertentu di sisiNya (iaitu masa yang telah ditetapkan untuk dibangkitkan kamu semula pada hari kiamat); dalam pada itu, kamu masih ragu-ragu (tentang hari pembalasan).*

(Al-An'ām: 2)

لَأَيِّ يَوْمٍ أَجَلَتْ

(Jika ditanya): ke hari yang manakah (perkara-perkara yang besar) itu ditangguhkan?)

(Al-Mursalāt: 12)

فَالَّذِلِكَ يَسِيرٌ وَيَبْيَكُ أَيْمًا الْأَجَلَيْنِ قَصَّرَتْ فَلَا عَذْوَانَ عَلَيَّ وَاللَّهُ عَلَىٰ مَا تَنْوُلُ وَكِيلٌ

(Musa menjawab: "Perjanjian itu adalah antaraku denganmu (tetap dihormati bersama); yang mana sahaja dari dua tempoh itu yang aku tunaikan, maka janganlah hendaknya aku disalahkan. Dan Allah jualah menjadi Pengawas terhadap apa yang kita katakan itu".)

‡

(Al-Qaṣāṣ: 28)

Oleh yang demikian, melalui ayat-ayat di atas, Allah dengan jelasnya merujuk kepada beberapa perkataan *ājil* yang membawa maksud suatu tempoh yang tertentu yang telah ditetapkan sama ada penetapan waktu itu diketahui sebagaimana yang belaku kepada urusan hutang ataupun tidak diketahui sebagaimana yang berlaku dalam penetapan masa mati manusia.

Menurut definisi dari segi bahasa pula, BBA merupakan satu bentuk sistem kewangan di mana penjual menyerahkan suatu barang kepada pembeli secara langsung atau secara terus dan pembeli berkenaan menangguhkan tempoh pembayaran dalam batas yang tertentu secara penuh ataupun membuat pembayaran secara ansuran.¹⁰⁷ Ia juga dilihat sebagai satu bentuk pembelian dimana harga yang ditawarkan lebih tinggi dari masa berlakunya penawaran. Ini kerana penyerahan bayaran akan dilakukan padu satu tempoh yang lain dimasa hadapan.¹⁰⁸ Ia juga ditakrifkan sebagai jualan barang atau dagangan dengan bayaran dibuat pada satu tempoh tertentu pada masa akan datang dimana harga akan bertambah dari harga asal. Dengan kata lain, ia merupakan penangguhan bayaran dimana barang jualan diperolehi secara serta merta, akan tetapi bayaran dibuat secara tangguh. Oleh itu, pembeli adalah penghutang kepada penjual.¹⁰⁹

Sebagai tambahan, ia juga merujuk kepada perjanjian jual beli barang tertentu antara pemilik barang dan pembeli di mana pemilik barang menyerahkan barang tersebut kepada pembeli dengan serta merta dan pembeli menangguhkan bayaran harga barang tersebut sehingga satu tempoh yang ditentukan atau membuat bayaran secara ansuran¹¹⁰.

Jual beli bayaran tangguh ini atau BBA adalah diharuskan dalam Islam sebagaimana yang dipersetujui oleh al-Imām Syāfi'i, Hanafī, Zayd bin 'Alī dan jumhur ulama' dengan adanya dalil-dalil dari ayat-ayat al-Quran yang berbentuk umum.¹¹¹ Amalan jual-beli jenis ini juga diharuskan menerusi *ijmā'* yang disepakati oleh para ulama'. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan kecil di kalangan *fiqahā'* yang mengharamkan jual-beli dengan harga tambahan dengan sebab berlakunya penangguhan kerana ia dianggap sebagai salah satu helah untuk menghalalkan riba.¹¹²

Apabila kita lihat kepada aplikasi BBA sebagaimana yang digunakan oleh ahli-ahli ekonomi mahupun pendeposit biasa pada hari ini, sifat BBA yang diberikan oleh ulama' silam tidak banyak bezanya. Bentuk jualan ini yang mana caranya bertentangan dengan jual beli *salam* secara amalinya merujuk kepada jualan harga tangguh atau jualan dengan bayaran ansuran iaitu menjual sesuatu dengan disegerakan penyerahan barang dan ditangguhkan bayaran secara penuh (*lump sum*) atau secara ansuran (*al-Taqṣīf*).¹¹³

Asasnya, jual beli ini diharuskan dalam Islam kerana ia membantu para pembeli yang kurang berkemampuan untuk membayar secara tunai akan tetapi memerlukan barang tertentu bagi kegunaannya. Ini bolehlah dikaitkan dengan *maṣlahah ‘āmah* dimana jual beli ini diharuskan memandangkan masyarakat umum pada hari rata-rata memerlukan cara ini untuk memperolehi dan memiliki asset peribadi. Dalam perbankan Islam pada hari ini, kontrak BBA merupakan salah satu instrumen perbankan Islam yang agak popular dan memberi harapan kepada umat Islam untuk memiliki barang yang mana harganya agak tinggi seperti kereta, rumah, bangunan pejabat, dan lain-lain.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa akad BBA boleh dikategorikan sebagai satu instrumen pelaburan iaitu dengan menjadikannya sebagai mekanisme kemudahan pembiayaan kewangan antara jual dan beli.¹¹⁴

2.5.6 *Bai’ al-Salam*

Dari segi bahasa, *bai’ al-salam* atau dalam penggunaan lain disebut juga *al-Salaf* membawa maksud penyerahan.¹¹⁵ al-Imām Al-Qurṭūbī telah mendefinisikan jual beli *salam* sebagai jual beli yang diketahui dengan tanggungan ke atas sifat barang terabit dan juga mengetahui bentuknya, rupanya dan masa penyerahannya. Semua perkara ini perlu dijelaskan dengan terperinci oleh penjual kepada pembeli.¹¹⁶ Jual beli *al-Salam* atau *bai’ al-salam* merupakan satu kontrak jual-beli dimana pembeli menyerahkan pembayaran terlebih dahulu dan penjual itu menangguhkan

pemberian barang yang dibeli hingga ke suatu tempoh yang telah ditetapkan oleh pembekal atau penjual.¹¹⁷

Dalam satu definisi yang lain, jualan *salam* adalah perjanjian jual-beli barang tertentu antara pemilik barang dan pembeli di mana pembeli menyerahkan bayaran harga tersebut dengan serta merta dan pemilik barang menangguhkan penyerahan barang tersebut sehingga tempoh yang tertentu. Bagi memenuhi syarat pembelian, barang berkenaan hendaklah disifatkan dengan nyata dan ditetapkan jumlah atau kadarnya. Sebagai tambahan, tempat penyerahan barang itu hendaklah ditentukan¹¹⁸ dan disepakati oleh kedua-dua pihak.

Terdapat dalil-dalil yang jelas menunjukkan jual beli *salam* atau *safar* diharuskan di dalam Islam. Yang utama, di dalam al-Quran Allah menyebut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَمِلُوا إِذَا تَدَبَّرْتُمْ بِذَنْبِنَا إِلَى أَحَدٍ مُسْمَى فَاقْتُبُوْهُ

(Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermu'amalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menculiskannya.)

(Al-Baqarah: 282)

Terdapat juga hadis-hadis Rasulullah ﷺ yang menunjukkan aplikasi amalan ini pada zaman baginda. Antara hadis yang telah dipetik oleh penulis adalah seperti hadis yang diriwayatkan oleh al-Imām Bukhāri:

عن ابن عباس رضي الله عنهمما قال : قدم رسول الله صلى الله عليه وسلم المدينة والناس يسلفون في الشمر العام والعامين أو قال عامين أو ثلاثة شرك إسماعيل فقال من سلف في عمر فليس له في كيل معلوم وزن معلوم

(Rasulullah telah datang ke Madinah dan masyarakat di sini membayar dahulu (lebih awal) bagi buah-buahan yang akan masak satu atau dua tahun lagi (riwayat lain dua atau tiga tahun). Rasul berkata: Barangsiapa yang membuat pembayaran dahulu sebelum mendapatkan barangnya pada suatu masa yang telah ditetapkan, maka perlu diketahui dengan jelas beratnya dan ukurannya.)

(Sahih Bukhari)¹¹⁹

Oleh itu, bagi memenuhi syarat pembelian, barang berkenaan hendaklah disifatkan dengan nyata dan ditetapkan jumlah atau kadarnya. Sebagai tambahan, tempat penyerahan barang itu hendaklah ditentukan¹²⁰ dan disepakati oleh kedua-dua pihak.

2.5.7 Pasaran Modal Islam

Pasaran Modal Islam merupakan satu bentuk instrumen pelaburan dalam Islam yang merangkumi beberapa prinsip-prinsip muamalat. Antaranya ialah *musyārakah mutanāqisah, bai' dayn, bai' ma'dūm, bai' wafā', bai' muzāyadah, suslajah, bai' urbūn dan bai' bimā yanqati' bīhī si'r.*

Penerimaan majoriti ulama' kontemporari terhadap pasaran modal Islam telah disabitkan melalui beberapa metodologi penyelidikan. Antara sumber-sumber utama

dalam penyelidikan dalam pasaran modal Islam adalah seperti al-Quran dan al-Sunnah, *ijmā'*, *qiyās*, *maṣlahah*, *istihsān*, *istiṣḥāb*, *sadd dhari'ah*, *'urf*, *maqāṣid syar'iyyah*, *siyāsah syar'iyyah*, *tā'wil*, *istiqrā'*, *talfiq* dan lain-lain sumber yang diterima pakai oleh perundangan Islam.¹²¹

Musyārakah mutanāqisah merupakan satu bentuk akad pensyarikatan, dimana pihak pembiaya yang merupakan rakan kongsi, memberi hak kepada rakan kongsinya yang lain untuk memiliki aset dengan sekali atau beberapa kali bayaran secara beransur-ansur, berdasarkan kepada syarat-syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.¹²² Sebahagian besar *fiqahā'* semasa telah bersepakat menerima akad ini sebagai salah satu kaedah yang boleh digunakan dalam pasaran modal Islam.¹²³

Bai' Dayn atau jual beli hutang pula dari segi perlaksanaannya merupakan kaedah melakukan penjualan *dayn* yang wujud hasil daripada *akad mu'āwaqāt māliyyah* (akad pertukaran) seperti *murābahah*, *al-bai' bithaman 'ajil* (BBA), *ijārah*, *ijārah muthiyah bi tamlik* (*sewa beli*), *istiṣnā'*, dan lain-lain.¹²⁴ Para ulama' dari Mazhab Hanafi dan Maliki telah berpendapat bahawa perlaksanaan *Bai' dayn* dalam pasaran modal Islam diharuskan dengan syarat terdapat suatu sistem pengawalseliaan yang memastikan *maṣlahah* pembeli terjaga dalam sistem ekonomi.¹²⁵

Bai' Inah yang juga merupakan salah satu instrumen pasaran modal Islam membawa maksud perjanjian jual beli antara penjual dan pembeli secara berganda dimana penjual menjual asetnya kepada pembeli dengan harga tangguh yang lebih

tinggi, dan kemudian penjual membeli semula aset tersebut dengan pembeli dengan harga tunai yang lebih rendah.¹²⁶ Di Malaysia, amalan *bai' inah* diharuskan yang mana ia turut menyamai pendapat Mazhab Syāfi'i dan juga Zāhirī.

§

Instrumen pasaran modal Islam yang seterusnya merupakan *bai' ma'dūm* iaitu satu akad jual beli bagi barang yang tidak wujud semasa akad perjanjian jual beli dibuat. Secara asas, *bai' ma'dūm* secara umum menyalahi syarat jual beli yang memerlukan objek dalam jual beli wujud semasa akad dilakukan.¹²⁷ Akan tetapi, *bai' ma'dūm* telah secara jelas melanggar syarat-syarat di atas. Namun pada hari ini, melihat kepada *'illah pengharaman bai' ma'dūm* iaitu berlakunya unsur *gharar*, maka Ibn Taymiyyah dan Ibnu Qayyim telah merumuskan bahawa sesuatu akad itu diharamkan bukan kerana ianya *ma'dūm* atau tiada akan tetapi kerana wujudnya unsur *gharar* yang amat ditegah dalam jual beli.¹²⁸ Oleh itu, berdasarkan *ma'shabah* dan keperluan masyarakat pada hari ini juga, *bai' ma'dūm* diharuskan dalam pasaran modal Islam sebagaimana yang dijalankan dalam kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah dan lain-lain.

Instrumen pasaran modal Islam seterusnya yang turut mendapat pengiktirafan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti ialah *bai' wa'fā*. Mengikut definisi yang diberikan di dalam *Majallah al-Ahkām al-'Adliyyah*, ia merupakan satu bentuk jual beli yang meletakkan syarat bahawa apabila penjual membayar semula harga barang yang dijual maka pembeli akan mengembalikan semula barang jualan kepada penjual.¹²⁹ Dalam jual beli *wa'fā* terdapat dua akad yang terlibat iaitu akad *al-*

rahn dan juga akad jual beli. Kedua-dua akad ini diharuskan dalam Islam. Oleh itu jual beli *wafā'* juga boleh diadaptasikan dalam pasaran modal hari ini.

Selain daripada itu, instrumen pasaran modal Islam yang lain ialah *bai' muzāyadah* dimana ia merupakan satu usaha penjual menawarkan barang jualan di pasaran, kemudian diikuti permintaan beberapa orang pembeli yang berlumba-lumba menawarkan bayaran yang lebih tinggi. Dalam kata-kata lain ia merupakan satu bentuk jualan lelong yang banyak berlaku pada hari ini.¹³⁰ Asasnya, *bai' muzāyadah* diharuskan dalam Islam dan ia menggalakkan satu bentuk usaha dan kesungguhan pembeli untuk mendapatkan sesuatu barang disamping menggalakkan persaingan secara adil di kalangan pembeli. Disamping itu, penjual pula akan mendapatkan keuntungan secara sah kerana harga ditentukan oleh pembeli melalui tawaran yang dibuat.

Seterusnya ialah *sufṭajah* yang berasal dari perkataan Parsi¹³¹ merupakan satu bentuk pemberian hutang dalam bentuk nota kewangan kepada seseorang untuk membolehkan pembiutang mendapat kemudahan menggunakan di tempat lain yang telah ditentukan. Penggunaan *sufṭajah* ini bukan sahaja lebih selamat malah ia juga dapat mengelakkan pelbagai bentuk risiko yang mungkin berlaku sepanjang perjalanan¹³² kerana pembawa *sufṭajah* tidak perlu membawa wang tunai dengan banyak. Antara contoh amalan *sufṭajah* pada hari ini ialah pindahan telegraf (*telegraph transfer*), cek, cek kembara (*traveller's cheque*) dan kiriman wang (*money order*).¹³³ Amalan *sufṭajah* pada hari ini berlandaskan pendapat ulama' mazhab Hanbali yang berpendapat bahawa amalan ini diharuskan jika tidak ada sebarang

tukaran. Pendapat ini turut disokong oleh Ibn Taymiyyah, Ibn Qayyim dan Ibn Qudāmah.¹³⁴

Bai' Urbūn juga merupakan instrumen pasaran modal Islam yang mana ia merujuk kepada wang pendahaluan yang dibayar oleh pembeli kepada penjual dalam sesuatu akad jual beli. Sekiranya pembelian diteruskan maka wang pendahaluan ini akan menjadi sebahagian daripada harga barang. Akan tetapi jika pembelian tidak diteruskan, ia akan merupakan suatu *hibah* (pemberian) daripada pembeli kepada penjual.¹³⁵ Dalam amalan pada hari ini sebagai contoh banyak diamalkan dalam pembelian aset yang agak besar harganya seperti rumah dan kereta. Ia juga disebut sebagai *down payment* dimana ia akan menjadi sebahagian daripada harga aset dan akan hangus jika pembelian tidak diteruskan.

Instrumen yang seterusnya ialah *Bai' bimā Yangati' biḥī Si'r*. Ia merupakan satu bentuk amalan pengambilan barang belian daripada penjual seperti roti, daging, minyak dan lain-lain setiap hari pada jumlah tertentu dan pembayarannya akan dibuat pada akhir bulan atau akhir tahun berdasarkan harga semasa di pasaran tanpa menentukan harganya pada masa akad.¹³⁶ Apa yang penting dalam akad ini ialah persetujuan di antara pembeli dan penjual secara jelas semasa akad termetrai antara kedua-duanya.

2.5.8 Tukaran Mata Wang (*al-Sarf*)

Jual beli *saraf* atau mata wang merujuk kepada penjualan matawang dengan mata wang yang sejenis atau tidak sejenis, iaitu menjual emas dengan emas atau perak dengan perak atau emas dengan perak sama ada dalam bentuk emas atau peraknya atau dalam bentuk wang.¹³⁷

Hakikatnya, secara jelas ulama' telah sepakat mengatakan bahawa jual-beli emas dengan emas dan perak dengan perak adalah tidak sah melainkan dengan jumlah yang sama dan pertukaran berlaku pada waktu yang sama dan tiada sebarang penangguhan.¹³⁸ Jika berlakunya penangguhan ia akan menjurus kepada amalan riba yang diharamkan oleh Allah secara jelas di dalam al-Quran. Ini diteguhkan dengan sabda Rasulullah ﷺ di dalam hadis berkaitan dengan *ribā nasī'ah*:

حَدِيثُ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَبِيعُوا النَّذْهَبَ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا يُشْفُوْءُوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ وَلَا يَبِيعُوا الْأَوْرَقَ بِالْأَوْرَقِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا يُشْفُوْءُوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ وَلَا يَبِيعُوا مِنْهَا غَائِبًا بِنَاجِزٍ

(Diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri r.a katanya: Bahawa Rasulullah ﷺ pernah bersabda: Janganlah kamu menjual emas dengan emas (mata wang) kecuali sama jumlahnya serta janganlah melebihkan sebahagiannya. Kemudian janganlah kamu menjual perak dengan perak kecuali sama jumlahnya serta jangan melebihkan sebahagiannya dan janganlah menjualnya dengan cara sebahagian secara tunai dan sebahagian lagi ditangguhkan)

(*Şahih Muslim*)¹³⁹

Oleh itu, bagi kebanyakan ulama', pertukaran wang adalah diharuskan dalam Islam dengan syarat akad yang dilakukan memenuhi tiga syarat berkaitan iaitu yang pertama penerimaan tukaran wang sebelum kedua-dua pihak berpisah.¹⁴⁰ Ini bagi memastikan kedua-dua pihak dapat mengelakkan diri dari terjerumus ke dalam amalan *ribā nasi'ah*. Yang kedua, terdapat persamaan atau disebut sebagai *tamāthul* di antara kedua-dua bahan jualan. Sebagai contoh perak dengan perak dan emas dengan emas mestilah sama timbangannya walaupun bentuknya dan coraknya berbeza.¹⁴¹ Ini kerana persamaan yang diambil kira bukanlah dari segi rupa bentuk emas atau perak tersebut akan tetapi dilihat dari segi kadarnya.

Syarat yang ketiga, bagi tukaran wang, *khiyār syarat* hendaklah dihapuskan dari kontrak tersebut.¹⁴² Ini kerana, penerimaan tukaran semasa berlakunya akad ini adalah syarat utama. Dengan demikian, dengan adanya *khiyār*, maka ia dilihat seolah-olah syarat penerimaan itu tidak terjadi. Syarat yang seterusnya, akad tukaran wang akan terbatal sekiranya terdapat penangguhan oleh seorang daripadanya atau kedua-dua orang yang berakad itu.¹⁴³ Syarat terakhir ini amat berkait rapat dengan syarat yang pertama dimana syarat penerimaan akan menyebabkan wang bertukar serta merta bukan tertangguh.

Oleh yang demikian, dalam aplikasi perbankan Islam pada hari ini, tukaran wang menjadi antara aktiviti utama memandangkan peredaran ekonomi yang ada memungkinkan kita melibatkan diri dalam tukaran wang terutamanya bagi perniagaan berbentuk antarabangsa. Oleh itu, ia diharuskan memandangkan keperluan masyarakat umum terhadap akad ini.

2.6 Kesimpulan

Harta yang dikurniakan oleh Allah kepada hamba-hambanya sama ada Muslim atau tidak merupakan satu amanah dan tanggungjawab terhadap seseorang itu. Oleh itu, sesiapa yang banyak hartanya dalam sebarang bentuk sama ada tunai, sebarang aset, dan lain-lain adalah mereka yang menanggung tanggungjawab yang besar terhadap Islam, masyarakatnya dan juga manusia secara umum.

Antara tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka yang memiliki harta adalah seperti pembayaran zakat¹⁴⁴ sebagaimana yang difirmankan oleh Allah di dalam al-Quran:

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حُقُّ لِلصَّالِحِينَ وَالْمَحْرُومِ

(Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak mendapat bahagian.) (Al-Dzâriyât: 19)

Ayat di atas menunjukkan bahawa harta yang diperolehi oleh sesorang hamba itu bukan seratus peratus miliknya tetapi ada peruntukan dan nisbah tertentu untuk mereka yang lain. Tanggungjawab seterusnya ialah pembayaran *jizyah*¹⁴⁵ yang diwajibkan ke atas hanba Allah yang bukan Muslim. Yang ketiga merupakan nafkah-nafkah yang wajib dilaburkan terhadap mereka yang memerlukannya seperti nafkah isteri, anak-anak, ibu bapa,¹⁴⁶ dan juga yang digalakkan kita memperuntukkan nafkah tidak wajib untuk fakir miskin. Ini jelas disebut oleh Allah Taala di dalam al-Quran:

إِنْ تَبْدُوا الصَّدَقَاتِ فَنِعْمًا هِيَ وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا الْفُقَرَاءُ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَيُكَفِّرُ عَنْكُمْ
مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ

(Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). Dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu; dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan.)

(Al-Baqarah: 271)

Tanggungjawab yang seterusnya ialah usaha melaburkan harta terbabit memandangkan pembekuan harta adalah diharamkan dalam Islam.¹⁴⁷ Oleh itu bagi memastikan pengaliran wang berjalan dengan sempurna di samping membantu ekonomi umat Islam, pelaburan adalah antara jalan yang terbaik yang boleh dilakukan oleh umat Islam.

Melalui penelitian yang mendalam tehadap pelaburan Islam, penulis mendapati bahawa jalan atau wasilah yang luas telah diperuntukkan oleh Islam bagi menggalakkan umatnya menggandakan harta yang dikurniakan oleh Allah. Malah, umat Islam yang mampu juga dapat melibatkan diri secara serius dalam bidang ini yang telah menjadi satu industri utama di negara kita. Selain daripada itu, melalui penglibatan yang terancang dan berstrategi, bidang ini juga boleh membuka peluang umat Islam lain dan juga menggalakkan umat Islam sesama kita memiliki harta unuk kesejahteraan bersama.

Oleh yang demikian, jika ekonomi dan kewangan umat Islam mantap dan kukuh, sudah pasti banyak permasalahan umat Islam lain dapat diselesaikan dan juga banyak sahabat-sahabat kita di seluruh dunia mendapat manfaat yang disalurkan melalui aktiviti pelaburan ini.⁴

- ¹ Ramadān Hāfiẓ al-Sayūti (1994), *Fawā'id al-Bunūk wa al-Istithmār wa al-Tanfir fī Dau' al-Syāfi'i ah al-Islāmiyyah*. Qāherah: Maktabah Wahbah, h. 33
- ² Muhammad Akram Khan (1994), *An Introduction to Islamic Economics*, Pakistan: IIIT, h. 33-34
- ³ Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukarram al-Anṣārī (1955), *Lisān al-'Arab*, j. 4. Beirut: Dār al-Šādir, h. 104-105
- ⁴ Ibrahim Anis et.al (1972), *Al-Mu'jam al-Wasit*, j. 1, ttem., h. 100
- ⁵ Muhammad 'Ammarah (Dr.) (1993), *Qāmūs Al-Muṣṭalāḥat al-Iqtisādiyyah fī al-Hadārah al-Islāmiyyah*, Beirut: Dār al-Syurūq, h. 126
- ⁶ Muhammad Abū Bakr al-Rāzī (1967), *Mukhtār al-Ṣabab*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabi, h. 86
- ⁷ Mahmūd Abū al-Su'ud (t.t.), *Al-Istithmār al-Islāmī fī al-'Asri al-Rāhi*, ttem., h. 38
- ⁸ Qutb, Muṣṭafā Sano (Dr.) (2000), *Al-Istithmār : Abkāmuhu wa Dawabituhu fī al-Fiqh al-Islāmī*. Jordan: Dār al-Nafa'i, h. 16
- ⁹ 'Abd al-'Azīz bin 'Abd al-Qāwi al-Manzīri Abū Muhammad (1417H), *Al-Targhib wa al-Tarhib min al-Hadīth al-Syarīf*, j. 4. Beirut, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 174
- ¹⁰ Qutb, Muṣṭafā Sano (Dr.) (2000), *op. cit.* h. 16
- ¹¹ Al-Taibāri (1980), *Jāmi' al-Bayān fī al-Ta'wil al-Qur'ān*, j. 15, c. 4. Dār al-Ma'rīfah, h. 160-161
- ¹² Al-Nisābōri, Nizām al-Dīn al-Ḥasan b. Muhammad b. Hussin al-Qimmi (1996), *Tafsīr Ghara'ib al-Qur'ān wa Raghā'ib al-Furqān*, j. 15. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 151
- ¹³ Qutb, Muṣṭafā Sano (Dr.) (2000), *op. cit.* h. 17
- ¹⁴ Ra'fat Al-Sayyid al-'Audī (t.t.), *Manhāj al-Iddikhār wa al-Istithmār fī al-Iqtisād al-Islāmī*, Qāherah: Al-Ittihād al-Duwāli li al-Bunūk al-Islāmiyyah, h. 102
- ¹⁵ Mālik Anas Abū 'Abd Allāh al-Asbāhī (1323H), *Muwaṭṭa' al-Imām Mālik*, j. 2. Misr: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, h. 693
- ¹⁶ *Ibid.*, h. 583-614
- ¹⁷ Al-Kāsāni, Maṣ'ud bin Ahmad (1327 H), *Bādā i' al-Sādā i' fī Tartib al-Syāra'i*, j. 6. Qāherah: Al-Jamāliyyah, h. 88; Lihat juga Qutb, Muṣṭafā Sano (Dr.) (2000), *op. cit.* h. 18
- ¹⁸ Ahmad b. Muhammad b. Ahmad Al-Dardir (1889), *Al-Syarh 'alā Aqrāb al-Masālik ilā Madhhāb al-Imām Mālik*, j. 2. Al-Imārah al-'Arabiyyah al-Muttaħidah: Wizārah al-'Adl wa al-Sū'ūn al-Islāmiyyah wa al-Awqāf, h. 227; Lihat juga Qutb, Muṣṭafā Sano (Dr.) (2000), *op. cit.* h. 18
- ¹⁹ Al-Siyarāzī (1379 H), *Al-Muħaddhab*, Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 159; Lihat juga Qutb, Muṣṭafā Sano (Dr.) (2000), *op. cit.* h. 18
- ²⁰ Al-Ghazālī, 'Abd al-Ḥamīd (1977), *Muqaddimah fī al-Iqtisād al-Kulliyyah*, Qāherah: Dār al-Jāmi'i at al-Miṣriyyah, h. 39
- ²¹ Syauqi 'Abduh Al-Sāhi (1985), *Al-Māl wa Turuq Istithmāruhū fī al-Islām*, c. 2, Qāherah: Maṭba'ah Hasan, h. 183
- ²² Qutb, Muṣṭafā Sano (Dr.) (2000), *op. cit.* h. 20
- ²³ Muhammad Salāh Muhammad al-Sāwī (Dr.) (1990), *Musykiyah al-Istithmār fī al-Bunūk al-Islāmiyyah wa Kaifa 'alājāhā al-Islām*, Qāherah: Dār al-Mujtama', h. 28
- ²⁴ Al-Alūsi al-Baghdādi (1985), *Rūb al-Mā'āni fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm wa al-Sab'u al-Mathāni*, c. 4, j. 29. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, h. 14-15
- ²⁵ Al-'Āmidī (1347H), *Al-Ihkām fī Usūl al-Ahkām*, j.2, ttem: Maṭba'ah Subayh, h. 9
- ²⁶ Al-Zuhaylī, Wahbah (1996), *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, j.1, c.3, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 220
- ²⁷ Al-Zuhaylī, Wahbah (1998), *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-'aqīdah wa al-syāri'ah wa al-manhaj*, j. 29. Beirut: Dār al-Fikr, h. 22
- ²⁸ Al-Alūsi al-Baghdādi (1985), *op. cit.* j. 29, h. 103
- ²⁹ Al-Zuhaylī, Wahbah (1998), *op. cit.* j. 28, h. 198
- ³⁰ Al-Alūsi al-Baghdādi (1985), *op. cit.*, h. 88
- ³¹ Al-Zuhaylī, Wahbah (1998), *op. cit.*, j. 12, h. 99
- ³² *Ibid.*, j. 2, h. 212-213
- ³³ *Ibid.*, j. 29, h. 210
- ³⁴ Al-Zuhaylī, Wahbah (Dr) (1997), *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, c. 4, j. 5, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 3925
- ³⁵ Al-Zuhaylī, Wahbah (Dr.) (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 284
- ³⁶ *Ibid.*, j. 23, h. 186

- ³⁷ Ismā'il bin Kathīr al-Qūsyī al-Dimasyqī (1983), *Tafsīr Al-Qurān al-'Azīm*, j. 2, Beirut: Dār al-Ma'rīfah, h. 350
- ³⁸ Ibn Taymiyyah (t.t.), *Majmū' Fatāwā Ibn Taymiyyah*, j. 31, Maghribi: Maktabah Ma'arif bi-al-Rabāt, h. 210
- ³⁹ Muhamad bin Ahmad al-Qurtubī (t.t.), *Al-Jāmi' li Abkām al-Qurān*, j. 5, Qāherah: Dār al-Syabab, h. 2962
- ⁴⁰ Sayyid Qutb (1985), *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur'ān*, j. 5, c. 11. Beirut: Dār al-Syurūq, h. 2710-2711
- ⁴¹ Al-Zuhayli, Wahbah (Dr) (1997), *op. cit.*, j. 4, h. 2868
- ⁴² Ahmad 'Abd al-Halīm bin Taymiyyah al-Harrāni Abū al-Ābbās, *Kutub wa Rasā'il wa Fatāwā Ibn Taymiyyah fī al-Fiqh*, j. 28, Maktabah Ibn Taymiyyah, h. 88
- ⁴³ Abī al-Qāsim Jār Allāh Māhmūd bin 'Umar al-Zāmakhshārī al-Khwārizmī (1948), *Al-Kassiyāf 'an Haqāiq al-Tanzil wa 'uyūn al-'Aqāwil fī al-Wujūh al-Ta'wīl*, Miṣr: Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, h. 500
- ⁴⁴ Imam Malik (t.t.), *op. cit.*, h. 687
- ⁴⁵ Abū 'Abd Allāh Muhamad bin 'Abd al-Wāhid bin Ahmad al-Hanbālī al-Maqdīsī (1410H), *al-Abādīth al-Mukhtārah*, j. 7. Makkah: Maktabah al-Nahdah al-Ḥadīthah, h. 262
- ⁴⁶ Muhamad bin Ismā'il Abū 'Abd Allāh al-Bukhārī (1987), *al-Jāmi' al-Sahīb al-Mukhtaṣar*, j. 2, c. 3. Beirut: Dār Ibn Kathīr al-Yāmānah, h. 835
- ⁴⁷ Muhamad bin 'Isā Abū 'Isā al-Tirmīzī (t.t.), *al-Jāmi' al-Sahīb Sunan al-Tirmīzī*, j. 3. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 32
- ⁴⁸ Ahmad bin Hanbal Abū 'Abd Allāh al-Syaibānī (t.t.), *Musnad al-Imām Ahmad bin Ḥanbal*, j. 3. Miṣr: Muassasah Qurṭubah, h. 467
- ⁴⁹ Muhamad bin 'Ali bin Muhamad al-Sywakānī (t.t.), *Nail al-Awtār Syarh Muntaqī al-Akhbār*, j. 5. Maktabah Mustafa al-Bābī al-Halbī, h. 140
- ⁵⁰ Imām Mālik bin Anas (1323H), *Al-Mudawwanah al-Kubrā*, j. 4. t.tern.: Matba'ah al-Sā'ādah, h. 227
- ⁵¹ Muhamad bin 'Ali bin Muhamad al-Sywakānī (t.t.), *op. cit.*, h. 18
- ⁵² Al-Zuhayli, Wahbah (Dr) (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 3925
- ⁵³ Muhamad al-Syahāt al-Jundi (1986), *'Aqd al-Murābahah bayna al-Fiqh al-Islāmī wa al-Ta'āmul al-Masrīfī*, Qāherah: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. 45
- ⁵⁴ Abu Bakar Habin (2000), "Jabatan Pelaburan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (J.LUTH)", (Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur), h. 30-31
- ⁵⁵ Masudul Alam Choudhury (1986), *Contributions to Islamic Theory: A Study in Social Economics*, London: Macmillan, h. 135
- ⁵⁶ Suruhanjaya Sekuriti (2001), *Senarai Sekuriti yang Diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, h. 2
- ⁵⁷ *ibid.*, h. 3
- ⁵⁸ Imām Abī al-Ḥasan 'Ali bin Muhamad Ḥabīb al-Māwardī (1989), *Al-Mudārabah*, Qāherah: Dār al-Wafā', h. 118
- ⁵⁹ al-Shirbīnī, Muhamad ibn Ahmad (1933), *Mughnī al-Muhtāj : Ilā Ma'rīfah ma'āni alfāz al-Minhāj*, j. 2. Qāherah: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, h. 309
- ⁶⁰ Imām Abī al-Ḥasan 'Ali bin Muhamad Ḥabīb al-Māwardī (1989), *op. cit.*, h. 118
- ⁶¹ Muhamad Salāh Muhamad al-Sāwī (Dr.) (1990), *op. cit.*, h. 24
- ⁶² 'Ali Ḥassān 'Abd al-Qādir (Dr.) (1980), *Fiqh Al-Mudārabah*, Qāherah: Maṭba'ah al-Syarīkah al-Islāmiyyah li al-Istithmār, h. 8
- ⁶³ Rafiq al-Misri (Dr.) (1976), *Maṣarrif al-Tanmiyyāt al-Islāmiyyāt au Muḥāwalāt Jadidah fī al-Ribā wa al-Bank*, t.tern.: Muassasah al-Risālah, h. 230-231
- ⁶⁴ Hussain 'Umar (Dr.) (1992), *Al-Mausū'ah al-Iqtisādiyyah*, c. 4, Qāherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 440
- ⁶⁵ al-Qādī Abū Al-Walīd Muhamad bin Ahmad bin Muhamad bin Ahmad bin Rasyd al-Qurtubī al-Andalūsī (1984), *Biddayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtaṣid*, j. 2, c. 2. Lahore: Al-Maktabah al-'Ilmiyyah, h. 178
- ⁶⁶ Uzair, Muhamad, (1980), "Some Conceptual and Practical Aspects of Interest-Free Banking" dalam *Studies in Islamic Economics*, (ed.) Khurshid Ahmad, Leicester: The Islamic Foundation, h.45; Lihat juga, *ibid.*, h.45-46

- ⁶⁷ Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd. h. 70.
- ⁶⁸ _____ (1990), *Islamic Banking*, diedit oleh Shirazi Habib, Butterworths, England, h. 33
- ⁶⁹ Mâlik Anas Abû 'Abd Allâh al-Asbahî (1323H), *op. cit.*, h. 687
- ⁷⁰ Sudin Haron (1996), *op. cit.*, h. 71
- ⁷¹ Lihat juga Saleh, Nabil A., (1986), *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law*, Cambridge: Cambridge University Press, h. 56
- ⁷² Ahmad bin Fâris (t.t.), *Mu'jam Maqâyîs al-Lughah*, j. 3, h. 265
- ⁷³ Ibn 'Âbidîn, Muhammad Amin bin 'Âbidîn (1282H), *Radd al-Mukhtâr 'alâ al-Dâr al-Mukhtâr*, Mişr: Matba'ah Bulâq, j. 3, h. 364; Lihat juga Al-Zuhaylî, Wahbah (Dr) (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 795
- ⁷⁴ al-Shirbînî, Muhammâd ibn Ahmad (1933), *op. cit.*, j. 2, h.211; Lihat juga *Ibid.*, h. 795
- ⁷⁵ Muhammad bin Ahmad bin 'Arâfah al-Dusûqî al-Mâlikî (t.t.), *Hâsyiyah al-Dusûqî 'alâ al-Syarîh al-Kâbir ma'a Hâsyiyah al-Dasûqî*, j. 3. Beirut: Dâr al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 348; Lihat juga *Ibid.*, h. 795
- ⁷⁶ al-Shirbînî, Muhammâd ibn Ahmad (1933), *op. cit.*, j. 2, h.1; Lihat juga *Ibid.*, h. 795
- ⁷⁷ Muhammad Kamal Azhari (1993), *Bank Islam Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 78
- ⁷⁸ Saad 'Abd al-Sattar Al-Harran (Dr.) (1993), *Musyarakah Financing: Concept, Principles and Methodology*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, h. 3
- ⁷⁹ Sulaymân bin Al-'Asy'ath Abû Dâud al-Sajastâni al-Azdi (t.t.), *Sunan Abî Dâwud*, j. 2, Dâr al-Fikr, h. 276
- ⁸⁰ 'Ali al-Khafîf (t.t.), *Al-Syarîkah fî al-Fîqh al-Islâmî: Bûbûth Muqâranah*, Dâmsyiq: Jâmi'ah al-Duwal al-'Arabiyyah, h. 48; Lihat juga Al-Zuhaylî, Wahbah (Dr) (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 799
- ⁸² *Ibid.*, h. 803
- ⁸³ *Ibid.*, h. 805
- ⁸⁴ Lâthîn Muhammad Yûnus al-Ghâyyâti (1988), *al-Syarîkât fî al-Fîqh al-Islâmî al-Muqârin*, Kuwait: Muassasah Dâr al-Kutub, h. 45
- ⁸⁵ 'Abd al-Hamid Mahmûd al-Bâ'lâ (1983), *al-Madkhâl fî al-Fîqh wa al-Bunûk al-Islâmîyyah*, t.tem., h. 96
- ⁸⁶ Ibn Manzûr, Jamâl al-Dîn Muhammad bin Mukarram al-Ansârî (1955), *op. cit.*, j. 2, h. 442
- ⁸⁷ Fairûzabâdi al-Syîrâzî (1330 H), *Qâmûs al-Muhibb*, j. 1, t.tem: al-Hasnîyyah al- Misriyyah, h. 221; Lihat juga _____ (1980), *Al-Mu'jam al-Wâsit*, j. 1. Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah: Dâr al-Nâfâ'is, h. 322
- ⁸⁸ Kauthar 'Abd al-Fatah Mahmûd al-Abjî (1996), *Qiyâs Tawzî' fî-Ribâ fî al-Bank al-Islâmî*, Qâherah: IJT, h. 19
- ⁸⁹ Burhân Abî al-Hasan 'Ali bin 'Abd al-Jalil al-Mârghinâni (t.t.), *Al-Hidâyah*, j. 3, Mişr: Muşâfâ al-Halâbi, h. 56; Lihat juga Al-Kâsâni, Mas'ûd bin Ahmad (1327 H), *Bâdâ'i' al-Sanâ'i' fî Tartîb al-Syârâ'i'*, j. 7, Qâherah: Matba'ah al-Imâm, h. 3139
- ⁹⁰ Al-Zurqâñî (t.t.), *Syâr al-Zurqâñî 'ala Mukhtâsâr Saïdî Khalil*, j. 3, Beirut: Dâr al-Fikr, h. 173; Lihat juga Ibn Taymiyyah (t.t.), *Nâzariyyah al-'aqâd*, Dâr al-Mârifah, h. 222
- ⁹¹ Al-Syîrâzî (t.t.), *op. cit.*, h. 395; Lihat juga al-Shirbînî, Muhammâd ibn Ahmad (1933), *op. cit.*, j. 2, h. 77
- ⁹² Ibn Qudâmah, 'Abd Allâh bin Ahmad (t.t.), *al-Syarîh al-Kâbir 'alâ Matn al-Muqni'*, j. 2. Jâmi'ah Al-Imâm Muhammâd b. Su'ud, h. 392; ; Lihat juga Ibn Qudâmah, 'Abd Allâh bin Ahmad (t.t.), *Al-Mughnî*, j. 4, Riyâdh: Maktâbah al-Riyâdh al-Hadîthah, h. 199
- ⁹³ Muhammad Kamal Azhari (1993), *op. cit.*, h.84
- ⁹⁴ Muhammad al-Syâhat al-Jundi (1986), *'Aqd al-Murâbabah bayna al-Fîqh al-Islâmî wa al-Ta'âmul al-Mâsrifî*, Qâherah: Dâr al-Nâhâdah al-'Arabiyyah, h. 43
- ⁹⁵ Muhammad bin Idris Al-Syâfi'i (1973), *Al-Umm*, j. 3. Dâr al-Mârifah, h. 3
- ⁹⁶ 'Abd Allâh bin Yûsuf Abû Muhammâd al-Hanâfi al-Zaylâ'i (1357 H), *Naşbu al-Rayâh*, j. 4, Mişr: Dâr al-Hadîth, h. 30
- ⁹⁷ Al-Râbî' bin Habib bin 'Umar al-Azdi al-Bâsri (1415 H), *Al-Jâmi' al-Şâbih Musnad al-Imâm al-Râbî' bin Habib*, j. 1. Beirut: Dâr al-Ijâmah,h. 228
- ⁹⁸ Mâlik Anas Abû 'Abd Allâh al-Asbahî (1323H), *op. cit.*, h. 227

- ⁹⁹ Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Syawkanī (t.t.), *op. cit.*, j. 5. h. 18
- ¹⁰⁰ *Ibid.*, h. 18
- ¹⁰¹ Muhammad Kamal Azhari (1993), *op. cit.*, h.87
- ¹⁰² Ibrahim Anis et.al. (1972), *op. cit.*, j. 1, c. 2. h. 6
- ¹⁰³ Mulla Ṣāleḥ al-Kūzah Yankū (t.t.), *Tuhfāt al-Tālibin fī Qism al-Mu'amalāt min Fiqh al-Syāfi'i*, Iraq: Mansyūrah Maktabah Bāṣām, h. 235
- ¹⁰⁴ Ahmad al-Syarbāsi (1981), *al-Mu'jam al-Iqtisādī al-Islāmī*, Dār al-Jayl, h. 17
- ¹⁰⁵ Ibn Mājah, Muhammad bin Yazid Abū 'Abd Allāh al-Qazwīnī (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*, Misr: Maṭba'ah al-Tāziyyah li sāhibihā 'Abd al-Wāhiḍ Muhammād al-Tāzi, j. 2, h. 84-85
- ¹⁰⁶ Ibrahim Anis et.al. (1972), *op. cit.*, h. 6
- ¹⁰⁷ Muhammad Kamal Azhari (1993), *op. cit.*, h.90
- ¹⁰⁸ Yusuf Kamal Muhammad (1988), *Fiqh al-Iqtisād al-Islāmī*, Kuwait: Dār al-Qalam wa al-Tazi', h. 270
- ¹⁰⁹ Al-Imām al-Rāzī (1981), *al-Tafsīr al-Kabīr wa Masātiḥ al-Ghā'ib*, j. 7, Kuwait: Dār al-Fikr, h. 90-91
- ¹¹⁰ BIMB (t.t.), *Bank Islam Malaysia Berhad: Penubuhan dan Operasi*, Kuala Lumpur: BIMB, h. 14-15
- ¹¹¹ Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Syaukānī (1975), *op. cit.*, h. 250
- ¹¹² Amīrah 'Abd al-Talīf Masyhūr (Dr.) (1991), *Al-Istithmār fī al-Iqtisād al-Islāmī*, Qāherah: Maktabah Madhbūli, h. 345
- ¹¹³ BIRT (1998), *Konsep Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam*, BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd. (BIRT), h. 14
- ¹¹⁴ Mohd Daud Bakar (Dr.) (1997), "Aspek-aspek Pembiayaan Projek dalam Amalan Perbankan Islam", dalam *Jurnal Syariah*, jil. 5 Bil 2, Julai 1997, h. 217
- ¹¹⁵ Ibn Manzūr, Jārnāl al-Dīn Muhammad bin Mukarram al-Anṣārī (1955), *op. cit.*, j. 15. h. 187
- ¹¹⁶ Al-Qurtubi, Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Abīmad al-Anṣārī al-Qurtubi (1950), *al-Jāmi' li Akhāḍ al-Qur'an*, j. 3. Qāherah: Dār al-Kutub al-Misriyyah, h. 378; Lihat juga Ḥakāriyyā Muhammād al-Falah (1984), *al-Salām wa al-Mudārabah min 'awāmil al-taysīr fī al-Syāri'ah al-Islāmiyyah*, 'Amman: Dār al-Fikr, h. 21-22
- ¹¹⁷ Muhammad Kamal Azhari (1993), *op. cit.*, h.89
- ¹¹⁸ BIMB (t.t.), *op. cit.*, h. 15
- ¹¹⁹ Muhammad bin Isma'il Abū 'Abd Allāh al-Bukhārī (1987), *al-Jāmi' al-Saḥīb al-Mukhtasar*, j. 2, c. 3, Beirut: Dār Ibn Kathir al-Yāmānah, h. 781; Lihat juga Muhammād bin Idrīs Al-Syāfi'i (1973), h. 94; Lihat juga Liaquat Ali Khan Niazi (1991), *Islamic Law of Contract*, Lahore: Research Cell, h. 54
- ¹²⁰ BIMB (t.t.), *op. cit.*, h. 15
- ¹²¹ Suruhanjaya Sekuriti (2002), *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, h. 9
- ¹²² Muhammad Salāḥ Muhammād al-Sāwī (Dr.) (1990), *Musykilah al-Istithmār fī al-Bunūk al-Islāmiyyah*, Qāherah: Dār al-Wafā', h. 619, 621; Lihat juga *Ibid.*, h. 14
- ¹²³ Idārah al-Buhūth (1989), *Dalīl Fatāwā al-Syar'iyyah fī al-A'māl al-Maṣrāfiyyah: Aham mā Sadara min Fatāwā 'an al-Riba wa al-Fawā'id wa al-Muḍārabah wa al-Musyārākat wa al-Murābahāt*, Qāherah: Markaz al-Iqtisād al-Islāmī, h. 66-67; Lihat juga Suruhanjaya Sekuriti (2002), *op. cit.*, h. 15
- ¹²⁴ *Ibid.*, h. 16
- ¹²⁵ *Ibid.*, h. 19
- ¹²⁶ *Ibid.*, h. 21-22
- ¹²⁷ Al-Zuhayli, Wahbah (Dr) (1997), *op. cit.*, h. 172
- ¹²⁸ Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1995), *I'lām al-Muwaqqi'in*, j. 2, Beirut: Dār al-Ilākīr, h. 8-10
- ¹²⁹ 'Ali Haydar (1991), *Durar al-Hukkām*, Beirut: Dār al-Jayl, h. 111
- ¹³⁰ Nazīh Hammād (1993), *Mu'jam al-Muṭalabāt al-Iqtisādiyyah fī Lughah al-Fuqahā'*, Herndon: The International Institute of Islamic Thought (IIIT), h. 86
- ¹³¹ Liaquat Ali Khan Niazi (1991), *op. cit.*, h. 213
- ¹³² Nazīh Hammād (1993), *op. cit.*, h. 154; Lihat juga Sa'di Abū Jāīb (1988), *Al-Qāmūs al-Fiqhī*, Darmiyah: Dār al-Fikr, h. 173; Lihat juga Ibn 'Ābidīn, Muhammād Amin bin 'Ābidīn (1992), *Hāsyīyyah Rad al-Mukhṭār*, j. 5, Beirut: Dār al-Fikr, h. 350; Lihat juga Al-Dusūqi (t.t.), *Hāsyīyyah al-Dusūqi 'alā al-Syarh al-Kabīr*, j. 3, Qāherah: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, h.224; Lihat juga Suruhanjaya Sekuriti (2002), *op. cit.*, h. 33

¹³³ Nazih Hammâd (1993), *op. cit.*, h. 196; Lihat juga Al-Zuhayli, Wahbah (Dr) (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 448; Lihat juga Muṣṭafâ al-Zarqâ' (1968), *al-Madkhal al-Fiqhi al-‘Ām*, Beirût: Dâr al-Fikr, h. 495; Lihat juga *Ibid.*, h. 34

¹³⁴ Al-Zuhayli, Wahbah (Dr) (1997), *op. cit.*, h. 734

¹³⁵ Suruhanjaya Sekuriti (2002), *op. cit.*, h. 36

¹³⁶ Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1995), *op. cit.*, h. 5-6

¹³⁷ Muhammad bin ‘Alî bin Muhammad al-Syawkâni (t.t.), *Fatb al-Qadîr ma’ a al-‘inâyah*, j. 5, Beirût: Dâr al-Fikr, h. 368; Lihat juga Al-Kâsâni, Maṣ’ûd bin Ahmad (1982) *Bâdâ’i’ al-Ṣanâ’i’ fî Tartîb al-Syârâ’i’*, j. 5, c. 2, Beirut: Dâr al-Kitâb al-‘Arabi, h. 215; Lihat juga Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin bin ‘Abidin (1282H), *op. cit.*, j. 6, h. 244; Lihat juga Al-Zuhayli, Wahbah (Dr) (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 3659

¹³⁸ Ibn Rusyd, al-Qâdi Abû Al-Walîd Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmâd bin Rusyd al-Qurtubi al-Andalûsi (1984), *Bidâyah al-Mujtahid wa Nihâyah al-Muqtâsid*, j. 2, c. 2, Lahore: Al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, h.147

¹³⁹ Muslim bin Hajjâj Abû al-Ḥusain al-Nisâbûri (t.t.), *Sahîb Muslim*, j. 3. Beirût: Dâr Ihyâ’ al-Turâth al-‘Arabi, h. 1208

¹⁴⁰ Al-Zuhayli, Wahbah (Dr) (1997), *op. cit.*, h. 3660

¹⁴¹ Muhammad bin ‘Alî al-Syawkâni (t.t.), *op. cit.*, h. 369; Lihat juga *Ibid.*, h. 3661

¹⁴² *Ibid.*, h. 3661

¹⁴³ *Ibid.*, h. 3662

¹⁴⁴ Muhammad Rawwâs Qalahji (Dr.) (1991), *Mabâhith fî al-Iqtisâd al-Islâmi min Uṣûl al-Fiqhiyyah*, Beirût: Dâr al-Nafâis, h. 120-125

¹⁴⁵ *Ibid.*

¹⁴⁶ *Ibid.*

¹⁴⁷ *Ibid.*